

PELAN INDUK LANDSKAP

MAJLIS DAERAH TAPAH 2035

LAPORAN AWAL



DISEDIAKAN OLEH:
JABATAN LANDSKAP NEGARA



DISEDIAKAN UNTUK:
MAJLIS DAERAH TAPAH

SENARAI KANDUNGAN

BAB	SENARAI	MUKA SURAT
01	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	6
	1.2 Keperluan Pelan Induk Landskap	7
	1.3 Matlamat Kajian	8
	1.4 Objektif Kajian	9
	1.5 Tujuan Penyediaan Laporan Awal	9
02	PROFIL KAWASAN KAJIAN	
	2.1 Kawasan Kajian	11-12
	2.2 Pelan Kawasan Pentadbiran Batang Padang	12
	2.3 Sejarah	13-14
	2.4 Demografi	15
	2.5 Strategi Pembangunan	16
	2.6 Konsep Pembangunan	17
	2.7 Sosioekonomi	18-24
	2.7.1 Aktiviti Perniagaan	18
	2.7.2 Sektor Pelancongan	19-20
	2.7.3 Sektor Perindustrian & Perlombongan	21
	2.7.4 Pusat Internet & Matlumat	21
	2.7.5 Sektor Kesihatan	21
	2.7.6 Sektor Pertanian, Peternakan & Perikanan	22
	2.7.7 Sektor Pendidikan	23-24
	2.8 Majlis Daerah Tapah	25-28
	2.8.1 Latar Belakang MDT	25
2.8.2 Sumber Pendapatan MDT	26	
2.8.3 Visi dan Misi MDT	27	
2.8.4 Objektif MDT	27	
2.8.5 Carta Organisasi MDT	28	
03	KEADAAN SEMASA	
	3.1 Ciri-Ciri Fizikal Kawasan, Guna Tanah dan Iklim	30-31
	3.1.1 Guna Tanah Semasa	30
	3.1.2 Bentuk Muka Bumi	31
	3.1.3 Iklim Setempat	31
	3.2 Persempadanan dan Jalan Utama	32
3.3 Karakter Landskap	33-41	
3.3.1 Pusat Bandar Tapah	33-35	
3.3.2 Pusat Bandar Bidor	35-36	

SENARAI KANDUNGAN

BAB	SENARAI	MUKA SURAT
	3.3.3 Petempatan Pinggir Bandar	37-39
	3.3.4 Kebudayaan dan Perayaan	40-41
	3.4 Isu dan Potensi	42-55
	3.4.1 Matlamat Pembangunan Landskap	42
	3.4.2 Pendekatan Pembangunan Landskap	42
	3.4.3 Penemuan Awal Kawasan Kajian	42-55
04	PENDEKATAN DAN METODOLOGI KAJIAN	
	4.1 Metodologi dan Skop Kajian	57-59
	4.1.1 Peringkat 1 : Kajian Awal dan Penyediaan Laporan Awal	57
	4.1.2 Peringkat 2 : Penyediaan Laporan Teknikal	57-58
	4.1.3 Peringkat 3 : Penyediaan Laporan Konsep	59
	4.1.4 Peringkat 4 : Penyediaan Laporan Draf Akhir	59
	4.1.5 Peringkat 5 : Penyediaan Laporan Pelan Induk Landskap	59
	4.2 Pasukan Kajian	60-63
	4.2.1 Penyelaras Projek	64-66
	4.2.2 Prinsipal Arkitek	64
	4.2.3 Perunding Arkitek Landskap	64
	4.2.4 Perancang Bandar	65
	4.2.5 Pakar Alam Sekitar	65
	4.2.6 Pakar GIS	65
	4.2.7 Pakar Hortikultur	65
	4.2.8 Pakar Hidrologi	66
	4.2.9 Editor	66
	4.3 Carta Organisasi Pasukan Kajian	66
	4.4 Analisis dan Kaedah Kajian	67-76
	4.5 Jadual Pelaksanaan	77
05	DASAR DAN POLISI PEMBANGUNAN	
	5.1 Dasar Antarabangsa	79-80
	5.1.1 Sustainable Development Goal (SDG)	79
	5.1.2 New Urban Agenda (UNA)	80
	5.2 Dasar Nasional	80-85
	5.2.1 Dasar Landskap Negara	80
	5.2.2 Dasar Perbandaran Negara	81

SENARAI KANDUNGAN

BAB	SENARAI	MUKA SURAT
	5.2.3 Dasar Teknologi Hijau Negara	81
	5.2.4 Dasar Perhutanan Negara	82
	5.2.5 Dasar Alam Sekitar	82
	5.2.6 Dasar Pembangunan Luar Bandar	83
	5.2.7 Dasar Pelancongan Negara	83
	5.2.8 Dasar Komuniti Negara	84
	5.2.9 Dasar Agromakanan Negara 2021-2030	84
	5.2.10 Dasar Pengangkutan Negara	85
	5.2.11 Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara 2016	85
	5.3 Akta Berkaitan	86
	5.3.1 Akta Kerajaan Tempatan, 1979 (Akta 171)	86
	5.3.2 Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 (Akta 133)	86
	5.4 Pelan Pembangunan Berkaitan	86-88
	5.4.1 Rancangan Struktur Negeri (RSN) Perak 2040	86
	5.4.2 Wilayah Perak Selatan	86
	5.4.3 Rancangan Tempatan Daerah Batang Padang (RTDBP) 2035	86
	5.4.4 Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4)	87
	5.4.5 Kajian Keperluan Kawasan Hijau Dalam Pembangunan	87
	5.4.6 Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine 2022	88
	5.5 Garis Panduan	88-93
	5.5.1 Garis Panduan Jabatan Landskap Negara (Edisi Kedua)	88
	5.5.2 Garis Panduan Landskap Negara Taman	89
	5.5.3 Garis Panduan Perancangan Tanah Lapang Kawasan Rekreasi	89
	5.5.4 Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau	90
	5.5.5 Panduan Pelaksanaan Program Bandar Selamat	90
	5.5.6 Garis Panduan Jabatan Perancangan dan Pembangunan Sejagat	91
	5.5.7 Garis Panduan Perancangan Pemuliharaan & Pembangunan KSAS Hutan Simpan Kekal	91
	5.5.8 Garis Panduan Perancangan Bandar Rendah Karbon dan Berdaya Tahan Perubahan Iklim	92
	5.5.9 Manual Saliran Mesra Alam (MSMA)	92
	5.5.10 Garis Panduan Perancangan dan Piawaian Perancangan Negeri Perak	93
06	KESIMPULAN	95

SENARAI RAJAH

SENARAI	MUKA SURAT
Rajah 1.1 : PETA NEGERI PERAK menunjukkan daerah pentadbiran di Perak	6
Rajah 1.2 : Keperluan Pelan Induk Landskap yang selaras dengan Dasar Landskap Negara	7
Rajah 1.3 : Teras 3 dengan Pelan Tindakan dan Strategi	8
Rajah 2.1: PETA NEGERI PERAK menunjukkan daerah pentadbiran dan lokasi Batang Padang di Perak	11
Rajah 2.2: PETA DAERAH BATANG PADANG	11
Rajah 2.3: Pecahan pentadbiran dan jumlah penduduk Batang Padang	12
Rajah 2.4: Kawasan pentadbiran dan kawasan operasi Batang Padang	12
Rajah 2.5: Kawasan Kajian semasa Penubuhan Majlis Daerah Tapah	13
Rajah 2.6: Kawasan Daerah Batang Padang sebelum diserahkan kepada Daerah Mualim	13
Rajah 2.7: Tok Tua Sakti	14
Rajah 2.8: Pelabuhan di Sungai Batang Padang	14
Rajah 2.90: Rajah kiri: Lancang / Rajah kanan: Sampan mudik	14
Rajah 2.10: Kampung Datuk sebelum diterokai	14
Rajah 2.11: Tapah Road sebelum pembangunan pesat	14
Rajah 2.12: Pekan Tapah pada tahun 1874	14
Rajah 2.13: Ikan Tapah	14
Rajah 2.14: Penduduk mengikut kumpulan etnik, Batang Padang, 2020	15
Rajah 2.15: Gambaran Kumpulan Umur di Daerah Batang Padang	15
Rajah 2.16: Pelan Koridor Pembangunan Perak	16

SENARAI RAJAH

SENARAI	MUKA SURAT
Rajah 2.17: Pelan tumpuan Wilayah Perak Selatan	16
Rajah 2.18: Konsep Pembangunan Batang Padang	17
Rajah 2.19: Pecahan Aktiviti Perniagaan Daerah Batang Padang	18
Rajah 2.20: Pusat Bandar Tapah yang menempatkan pelbagai jenis aktiviti perniagaan	18
Rajah 2.21: Prestasi Pelancongan Domestik Malaysia Mengikut Negeri 2021	19
Rajah 2.22: Statistik Penting Pelancongan Domestik, Perak, 2020 dan 2021	19
Rajah 2.23: Kawasan menarik yang menjadi destinasi pelancongan di Daerah Batang Padang	20
Rajah 2.24: Pecahan Aktiviti Perindustrian dan Perlombongan Daerah Batang Padang	21
Rajah 2.25 : Statistik Pusat Internet dan Maklumat Daerah Batang Padang	21
Rajah 2.26: Pejabat Kesihatan Daerah Batang Padang merupakan Pusat Operasi Kesihatan di kawasan kajian	21
Rajah 2.27: Pecahan Aktiviti Pertanian dan Penternakan Daerah Batang Padang	22
Rajah 2.28: Aktiviti pertanian dan penternakan yang dijalankan di Daerah Batang Padang	22
Rajah 2.29: Statistik Pendidikan Daerah Batang Padang	23
Rajah 2.30: Sekolah PPD Batang Padang merupakan salah satu penawaran kemudahan pendidikan di kawasan kajian	23
Rajah 2.31: Univeristii Teknologi Mara @ Cawangan Tapah	23
Rajah 2.32: Guna tanah kemudahan masyarakat	24
Rajah 2.33: Cadangan Bandar Pendidikan di Kawasan Pertumbuhan Utama (KPU)	24
Rajah 2.34: Majlis Daerah Tapah	25
Rajah 2.35: Carta Sumber Pendapatan MDT	26
Jadual 2.1 Menunjukkan trend hasil pendapatan Majlis Daerah Tapah 2016-2020	26
Rajah 2.36: Kawasan Kajian Semasa Majlis Daerah Tapah	27
Rajah 3.1: Komposisi Guna Tanah Semasa Daerah Batang Padang	30
Rajah 3.2: Taburan Guna Tanah Semasa Daerah Batang Padang	30
Rajah 3.3: Bentuk Rupa Bumi (Ketinggian dan Kecerunan Tanah)	31

SENARAI RAJAH

SENARAI	MUKA SURAT
Rajah 3.4: Model 3D Bentuk Rupa Bumi Daerah Batang Padang	31
Rajah 3.5: Maklumat Iklim Daerah Batang Padang	31
Rajah 3.6: : Daerah Batang Padang menjadi titik tumpu para pengunjung yang mengunjungi kawasan di utara mahupun selatan. Lokasinya yang strategik berpotensi dalam menjadi hub persinggahan dan destinasi pelancongan.	32
Rajah 3.7: Bandar Tapah yang strategik boleh dijadikan mod perhubungan atau hub transit yang menghubungkan ke pelbagai destinasi menarik.	33
Rajah 3.8: Secara amnya, Pusat Bandar Tapah adalah sebuah bandar kecil yang mempunyai perancangan yang agak tersusun. Ini dapat diperhatikan dari susun atur pusat bandar yang dibina berasaskan sistem grid.	33
Rajah 3.9: Jaringan pejalan kaki yang disediakan juga berpotensi dalam mempraktikkan “universal design” sebagai sebuah elemen yang boleh diguna dan diakses oleh semua golongan.	34
Rajah 3.10: Pemandangan udara Bandar Tapah yang dikelilingi kawasan hijau bukit bukau.	34
Rajah 3.11: Deretan kedai di sepanjang jalan Lata Iskandar ini menawarkan pelbagai kraf tangan masyarakat tempatan dan juga buah-buahan, akan tetapi kawasan ini kurang menitik beratkan akan keselamatan pengunjung kerana kedudukannya bersebelahan jalan raya utama.	34
Rajah 3.12: Taman Eko Lata Iskandar mempunyai pelbagai rekreasi awam kepada pengunjung, akan tetapi ianya berpotensi berlakunya pencemaran sisa pepejal akibat kekurangan penguatkuasaan.	35
Rajah 3.13: Taman Awam Malaysia Tapah yang berpotensi dalam menaiktarafkan landskap hijau dan koridor biru untuk dijadikan taman rekreasi kegunaan para pengguna.	35
Rajah 3.14: Sepertimana Bandar Tapah, Bandar Bidor juga dilatari oleh bangunan-bangunan lama era awal Malaysia moden. Susun atur pusat Bandar Bidor juga bercirikan sistem grid dengan jalinan jalan raya yang baik.	35
Rajah 3.15: Pasar pagi Bidor berpotensi untuk dihubungkan dengan jaringan pejalan kaki ke destinasi seperti sungai Bidor, Petai Lane dan hentian bas lama Bidor yang boleh menguatkan kesinambungan jaringan pejalan kaki di Bandar Bidor.	35
Rajah 3.16: Bandar Bidor kurang penanaman tepian jalan yang boleh menyerikan landskap bandar disertakan dengan laluan pejalan kaki yang boleh menerapkan ciri “universal design” kepada pengguna jalan kaki.	36
Rajah 3.17: Petai Lane yang berpotensi untuk dijadikan titik tumpu menghubungkan jaringan laluan utama pejalan kaki ke destinasi yang lain serta dijadikan kawasan utama pengeluaran produk buah-buahan tempatan.	36
Rajah 3.18: Mercu tanda Bandar Bidor berpotensi untuk menjadi pintu gerbang masuk ke bandar serta menghubungkan laluan utama dan jaringan laluan pejalan kaki.	36
Rajah 3.19: Bandar Bidor terletak diantara dua batang sungai iaitu Sungai Gedung & Sungai Bidor. Titik pertemuan dua batang Sungai ini yang terletak di sekitar Bandar Bidor memberikan potensi yang besar untuk dimajukan menjadi jaringan hijau bagi Bandar Bidor.	36
Rajah 3.20: Lubuk Degong atau Bidor Waterfall berpotensi untuk dinaiktarafkan dengan kemudahan serta dilengkapi dengan landskap yang teratur bagi dijadikan satu destinasi pelancongan dan terbuka kepada pengunjung.	36
Rajah 3.21: Bentuk muka bumi yang menunjukkan antara pekan pekan kecil di daerah Batang Padang; Pekan Air Kuning, Pekan Temoh, Pekan Chenderiang dan Pekan Sungkai	38

SENARAI RAJAH

SENARAI	MUKA SURAT
Rajah 3.22: Taman Eko Lata Kinjang menawarkan pelbagai kemudahan kepada pengunjung untuk dinikmati dalam suasana alam semula jadi. Antara kemudahan yang disediakan adalah tandas awam, tapak perkhemahan, dan teratak.	39
Rajah 3.23: Hutan Lipur Kuala Woh yang menawarkan kawasan rehat dan air panas semula jadi yang berlatarkan hutan simpan menjadi tumpuan pengunjung.	39
Rajah 3.24: Taman Tasik Temoh yang menawarkan pelbagai aktiviti riadah dan memaparkan karakter karakter landskap yang menarik seperti arca, taman refleksologi, dan pelbagai tanaman teduhan.	39
Rajah 3.25: Hotspring Felda Sungai Klah yang menawarkan air panas semula jadi yang berlatar belakang bukit bukau dan penginapan menjadi destinasi pengunjung pada musim cuti sekolah.	40
Rajah 3.26: Hubungan masyarakat kaum Rawa di Pahang dan Perak.	40
Rajah 3.27: Adat resam masyarakat kaum Melayu Rawa yang mempersembahkan upacara berjojak tanah di Daerah Batang Padang.	40
Rajah 3.28: Makanan tradisi Kaum Melayu Rawa iaitu buluh kelamai atau buluh Hawa yang boleh disimpan berbulan lamanya.	41
Rajah 3.29: Karnival 3F @ Car Free Day yang berjaya diadakan di Bandar Tapah bagi mengeratkan hubungan perpaduan antara masyarakat di bandar tersebut selain menjaga landskap yang sedia ada.	41



PENGENALAN KAJIAN 01



Rajah 1.1 : PETA NEGERI PERAK menunjukkan daerah pentadbiran di Perak
Sumber: Kajian PIL MD Tapah 2035

1.0 PENDAHULUAN

Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Tapah (PIL MDT) merupakan satu dokumen yang mengandungi *perancangan landskap dan pelan tindakan jangka panjang untuk tempoh sepuluh (10) tahun bagi pembangunan landskap di Daerah Batang Padang.*

Ia menggariskan cadangan pembangunan landskap keseluruhan dalam bentuk dasar, strategi, garis panduan reka bentuk, kaedah kawalan, pelaksanaan dan cadangan-cadangan projek landskap utama untuk tindakan dalam jangka masa pendek.

PIL MDT ini dapat memandu Majlis Daerah Tapah dalam merangka dan melaksanakan program pembangunan landskap dengan lebih terancang, pengurusan kos dengan lebih efisien, mengurangkan projek-projek pembangunan secara "ad-hoc". PIL MDT ini dapat menjadikan asas rujukan bagi perancangan, pengekalan alam semula jadi, pelaksanaan kawalan dan penguatkuasaan pembangunan landskap serta pengurusan landskap di kawasan kajian.

1.1 PENGENALAN

PIL MDT ini disediakan bagi Majlis Daerah Tapah, iaitu Pihak Berkuasa Tempatan yang mentadbir dan bertanggungjawab atas keseluruhan Daerah Batang Padang yang keluasanya merangkumi 1,794 kilometer persegi dan mempunyai penduduk seramai 127, 300 orang (Banci Penduduk Malaysia 2020)




1.2 KEPERLUAN PELAN INDUK LANDSKAP

Keperluan PIL MDT adalah bagi merealisasikan dan mencapai Dasar Landskap Negara selaras dengan;

“ Teras 3: Membangunkan Program Pembangunan Landskap Bagi Penyediaan Infrastruktur Hijau Yang Berfungsi dan Mampan “

Kajian ini juga mengambil kira visi dan misi pentadbiran Tapah yang menekankan pembangunan yang terancang dan persekitaran indah, sosioekonomi yang membangun dan destinasi pelancongan yang terkenal. Laporan ini juga adalah bagi membantu pihak majlis mengawal pembangunan landskap

secara keseluruhan dari segi reka bentuk, kaedah pelaksanaan, jadual pengurusan dan penyelenggaraan dan juga ditekankan agar ianya seiring dengan pengawalan alam sekitar bagi memastikan pembangunan landskap yang mampan dapat dihasilkan dan tercapai bagi daerah Batang Padang.



Rajah 1.2 : Keperluan Pelan Induk Landskap yang selaras dengan Dasar Landskap Negara

Sumber: Dasar Landskap Negara, JLN

1.3 MATLAMAT KAJIAN

Matlamat utama pelaksanaan kajian ini adalah untuk menghasilkan sebuah dokumen rujukan utama yang dihasilkan oleh Jabatan Landskap Negara sebagai panduan semua pihak yang terlibat di dalam pembangunan landskap di negara ini sama ada di peringkat Persekutuan atau Negeri. PIL MDT ini disediakan bagi merealisasikan dan mencapai Dasar Landskap Negara berasaskan kepada prinsip yang menjadi tonggak asas keperluan penyediaan dokumen Pelan Induk Landskap, iaitu:

Berdasarkan pemahaman dari interpretasi Terma Rujukan Kajian, kajian PIL MDT ini adalah bertujuan untuk menyediakan sebuah Dokumen Perancangan Pelan Induk Landskap yang komprehensif dan Garis Panduan Pembangunan Landskap bagi tempoh sepuluh (10) tahun akan datang. Ini akan dilaksanakan dengan mengambil kira penekanan terhadap penghijauan dan kesejahteraan hidup serta persekitaran yang kondusif bagi daerah Batang Padang. Dokumen ini akan diguna pakai oleh MDT sebagai panduan bagi pembangunan landskap di kawasan kajian dan sebagai kaedah kawalan serta penguatkuasaan pembangunan landskap di kawasan MDT.

Membangunkan Program Pembangunan Landskap Bagi Penyediaan Infrastruktur Hijau Yang Berfungsi dan Mampan

TERAS 3

Merancang, melaksana dan mengurus infrastruktur hijau secara sistematik dan efisien di kawasan perbandaran dalam usaha menangani isu pemanasan global dan perubahan iklim

STRATEGI 3.1

Mengguna pakai Pelan Induk Landskap bagi Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan sebagai alat kawalan perancangan pembangunan landskap dan penyediaan infrastruktur hijau

PELAN 3.1.1

Rajah 1.3 : Teras 3 dengan Pelan Tindakan dan Strategi
Sumber: Dasar Landskap Negara, JLN

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif-objektif berikut:



1.5 TUJUAN PENYEDIAAN LAPORAN AWAL

Laporan Awal merupakan dokumen yang disediakan dan dikemukakan pada peringkat awal kajian untuk merangka matlamat, objektif, skop kerja dan metodologi kajian. Dengan kajian ini, ianya dapat dirujuk oleh semua pihak yang berkenaan.

Hasil kajian Laporan Awal adalah rangka dan ini akan menjadi rencana terperinci bagi proses penyediaan kajian Pelan Induk Landskap ini. Selain daripada itu, laporan ini juga akan menggariskan dan memuatkan

segala penemuan awal di kawasan kajian di samping mengenal pasti secara kasar isu-isu yang berkait rapat yang perlu dikaji secara lebih terperinci di peringkat seterusnya iaitu Peringkat Laporan Teknikal.



**PROFIL
KAWASAN
KAJIAN
02**

2.0 PROFIL KAWASAN KAJIAN


2.1 KAWASAN KAJIAN

Daerah Batang Padang terletak di antara dua (2) buah zon perancangan metropolitan yang berkembang pesat, iaitu Zon Perancangan Metropolitan Lembah Kinta dan Zon Perancangan Metropolitan Lembah Klang. Batang Padang merupakan daerah ke-4 terbesar di Perak. Daerah ini mempunyai dua PBT iaitu Majlis Daerah Tapah dan Majlis Daerah Kampar. Guna tanah terbesar adalah hutan sebanyak (90,979.95 hektar).

BLOK PERANCANGAN (BP)	KELUASAN (Hektar)
BP 1 - Chenderiang	24,295.59
BP 2 - Batang Padang	54,256.99
BP 3 - Bidor	33,112.33
BP 4 - Sungkai	68,405.53

Daerah Batang Padang terdiri daripada kawasan tanah tinggi yang membentuk banjaran Titiwangsa di bahagian timur daerah ini.

Hampir separuh bahagian daerah ini merupakan kawasan rizab hutan yang tertumpu di bahagian timur. Kawasan tanah pamah pula tertumpu di kawasan penempatan dan pertanian di bahagian barat.



Rajah 2.1: PETA NEGERI PERAK menunjukkan daerah pentadbiran dan lokasi Batang Padang di Perak
 Sumber: Kajian PIL MD Tapah 2035

Rajah 2.2 : PETA DAERAH BATANG PADANG

Daerah ini terletak di bahagian selatan Negeri Perak. Kawasan ini bersempadan dengan Daerah Kampar di bahagian utara, Daerah Hilir Perak di bahagian barat, Negeri Selangor di bahagian selatan serta Negeri Pahang di bahagian Timur.

Sumber: Kajian PIL MD Tapah 2035

Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Tapah 2035

Daerah Batang Padang yang mempunyai keluasan 179,078 hektar adalah terbahagi kepada 4 mukim, 2 bandar dan 9 pekan seperti berikut :


Bil	Nama	Luas (km ²)	Jumlah Penduduk
1	Mukim Batang Padang	539.60	41,753
2	Mukim Bidor	334.70	34,067
3	Mukim Chenderiang	241.20	17,514
4	Mukim Sungkai	667.60	26,485
5	Bandar Bidor	0.17	96
6	Pekan Chenderiang	0.10	185
7	Pekan Sungkai	0.72	1,224
8	Bandar Tapah	0.87	652
9	Pekan Temoh	0.19	559
10	Pekan Banir	0.15	201
11	Pekan Bikam	0.11	145
12	Pekan Sungai Lesong	0.73	186
13	Pekan Tapah Road	0.12	295
14	Pekan Temoh Station	0.06	40

Rajah 2.3: Pecahan pentadbiran dan jumlah penduduk Batang Padang
 Sumber : Wikipedia Batang Padang

2.2 PELAN KAWASAN PENTADBIRAN BATANG PADANG

Pengisytiharaan perluasan kawasan pentadbiran Majlis Daerah Tapah seluas 179,808.14 hektar adalah meliputi keseluruhan Mukim Chenderiang (kecuali kawasan Mambang Diawan di bawah PBT Majlis Daerah Kampar), Mukim Batang Padang, Mukim Bidor dan Mukim Sungkai melalui Warta Kerajaan Negeri Perak 2139 bertarikh 19 November 2015 (rujuk Rajah 2.5). Dengan adanya perluasan kawasan ini, perkhidmatan yang disediakan MDT akan dapat diperluaskan bagi manfaat bersama. Di samping perkhidmatan itu juga, MDT akan dapat menambah sumber pendapatan dan seterusnya dapat mengukuhkan lagi kedudukan kewangan MDT.


Pelaksanaan kajian Pelan Induk Landskap ini meliputi keseluruhan kawasan pentadbiran Daerah Batang Padang, manakala kawasan pelan tindakan akan tertumpu kepada kawasan operasi Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Daerah Tapah, Perak.



Rajah 2.4: Kawasan pentadbiran dan kawasan operasi Batang Padang
 Sumber: RTBP 2035

2.3 SEJARAH


1979 Penubuhan Majlis Daerah Tapah



Rajah 2.5: Kawasan Kajian Semasa Penubuhan Majlis Daerah Tapah
Sumber: RTBP 2035

- Ditubuhkan pada 01 September 1979
- No. Warta Kerajaan Negeri Perak :PK.PU. 89/24.11.1979
- Keluasan 179,078.80 hektar.

2016 Sebelum Pengisytiharaan Daerah Muallim



Rajah 2.6: Kawasan Daerah Batang Padang sebelum diserahkan kepada Daerah Muallim
Sumber: Kajian PIL MD Tapah 2035

- Sebelum 11 Januari 2016, Daerah Muallim adalah sebahagian daripada kawasan Daerah Batang Padang.
- Merangkumi keluasan 274,287.33 hektar.
- 3 Mukim daripada 7 Mukim telah dikeluarkan dari kawasan Daerah Batang Padang dan ditadbir oleh Pejabat Daerah Tapah & Slim River dan Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Daerah Tanjong Malim iaitu:
 - Mukim Slim.
 - Mukim Hulu Bernam Timur.
 - Mukim Hulu Bernam Barat

Pihak Berkuasa Tempatan / Pihak Berkuasa Perancang Tempatan	Keluasan Kawasan Pentadbiran (Hektar)
Majlis Daerah Tapah	14,628
Majlis Daerah Tanjong Malim	13,918.18
Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan dan sebahagian Kawasan Majlis Daerah Kampar	245,741.15 (termasuk kawasan Mambang Di Awan seluas 262.30 hektar)
Keluasan Kawasan Rancangan Tempatan	274,287.33

Jadual 2.1: Kawasan pentadbiran PBT 2016
Sumber: RTBP 2035

Peluasan Kawasan Majlis Daerah Tapah: Warta Kerajaan Negeri Perak 2139 bertarikh 19 November 2015

- Keluasan 179,078.80 hektar.
- Meliputi keseluruhan Mukim Chenderiang (kecuali kawasan Mambang Di Awan di bawah PBT Majlis Daerah Kampar), Mukim Batang Padang, Mukim Bidor dan Mukim Sungkai.

2.3 SEJARAH



Rajah 2.7: Tok Tua Sakti

Tok Tua Sakti @ Tok Simpang Tiga: Abdul Rahman b. Raja Setia berasal dari Rao, Sumatera Barat, Indonesia & merupakan **pengasas Kampung Datuk, Tapah**. Kampung ini merupakan **kampung yang terawal** di Pekan Tapah.


Tapah terletak di pinggir sungai Batang Padang. Sungai tersebut dahulunya menjadi **laluan kapal-kapal dagang** kerana Tapah merupakan destinasi sebuah pelabuhan. Tok Tua Sakti juga datang ke Tapah sebagai pedagang bersama adiknya.

Mereka tiba di Tapah dari Sumatera merentasi Selat Melaka ke muara Sungai Perak, Bagan Datoh hingga ke Teluk Intan dengan menggunakan **lancang**, dan dari Teluk Intan menggunakan **sampan mudik** ke Kinta dan Sungai Bidor lalu memasuki sungai Batang Padang.

Tok Tua Sakti dan adiknya dipercayai **meneroka Kampung Datuk pada kurun ke 16** selepas negeri Perak wujud iaitu pada tahun 1528. Nama Tapah masih **belum muncul**.



2.8: Pelabuhan di Sungai Batang Padang




Rajah 2.9: Rajah kiri: Lancang /Rajah kanan: Sampan mudik



Rajah 2.10: Kampung Datuk sebelum diterokai

Pekan Tapah mula dibina sebagai **ibu daerah** pada tahun 1888 setelah British campur tangan dalam pentadbiran Perak melalui **Perjanjian Pangkor** pada tahun **20 Januari 1874**. Ketika itu, Pekan Tapah sudah mempunyai penduduk seramai 1800 orang. Nama Tapah berasal dari nama sejenis ikan iaitu **ikan tapah**.



Rajah 2.13: Ikan Tapah



Rajah 2.12: Pekan Tapah pada tahun 1874



Rajah 2.11: Tapah Road sebelum pembangunan pesat


Tok Tua Sakti telah membuka **Pekan Tapah** yang terletak bertentangan dengan **Kampung Datuk** iaitu seberang Sungai Batang Padang.

2.4 DEMOGRAFI


Berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020, jumlah penduduk di Daerah Batang Padang ialah seramai **127,300 orang** dengan 51.4% lelaki dan 48.6% perempuan. Kepadatan penduduk **71 orang per kilometer persegi** yang telah dikategorikan sebagai taburan penduduk sederhana. Kebanyakan penduduk di daerah Batang Padang merupakan Bumiputera dengan jumlah 82,118 orang atau bersamaan 65%.

KUMPULAN UMUR

Terdapat tiga kategori kumpulan umur di daerah Batang Padang yang menyumbang kepada kemajuan sesebuah ekonomi daerah tersebut:



Rajah 2.15: Gambaran Kumpulan Umur di Daerah Batang Padang
Sumber: Kajian PIL MD Tapah 2035



Rajah 2.14: Penduduk mengikut kumpulan etnik, Batang Padang, 2020
Sumber: RTBP 2035

Daerah Batang Padang mencatatkan kepadatan penduduk kelima tertinggi dari 13 daerah di dalam Negeri Perak iaitu dengan kadar kepadatan penduduk tahunan sebanyak 0.72 orang per hektar.



Kadar Pertumbuhan Penduduk Tahunan

- Tempat kediaman: **39,300**
- Isi rumah: **50,400**
- Purata saiz isi rumah: **3.8 orang**




2.5 STRATEGI PEMBANGUNAN

Berikut merupakan konsep perancangan pembangunan sehingga tahun 2030 yang telah diketengahkan oleh kerajaan negeri Perak. Rancangan Struktur Negeri Perak 2040 (Kajian Semula) adalah dalam peringkat proses penyediaan.

MEMANFAATKAN KESAN LIMPAHAN PERTUMBUHAN EKONOMI NEGERI BERSEMPADAN

VISI
2030 PERAK SEJAHTERA
 MISI
PERAK MAKMUR, RAKYAT SEJAHTERA



1 PEMBANGUNAN UTARA PERAK (KERIAN)
Industri berpotensi:
 Pertanian, Perikanan, Industri Elektrik/ Elektronik dan Bio-industri.


2 INDUSTRI PELANCONGAN PELBAGAI HIDUPAN HULU PERAK
Industri berpotensi:
 Pertanian, Perindustrian dan Perdagangan & Pengurusan.

3 PELANCONGAN PERADABAN NUSANTARA METROPOLITAN KINTA
Industri berpotensi:
 Industri, Pusat Perniagaan, Pelancongan Warisan, Pertanian dan Rekreasi.

4 INDUSTRI PERTANIAN BERTEKNOLOGI TINGGI SELATAN PERAK
Industri berpotensi:
 Pertanian, Pembuatan (Automotif), Perniagaan dan Perkhidmatan, Industri, Pusat Perniagaan, Pelancongan Warisan dan Rekreasi.

Rajah 2.16: Pelan Koridor Pembangunan Perak
 Sumber: Kajian PIL MD Tapah 2035

Wilayah Perak Selatan



Rajah 2.17: Pelan tumpuan Wilayah Perak Selatan
 Sumber: Kajian PIL MD Tapah 2035

1. Rangkaian Gas Asli Cecair LNG Kinta - Kampar - Bidor - Tg Malim - Bagan Datuk
2. Pembangunan Tapah Link
3. Agromakanan Perak - Lembah Makanan Negara
4. Taman Eko-Rimba Lata Kinjang

Daerah Muallim

- Enhancement of PROTON - Tg Malim Automotive Hub
- Bakul Makanan Trolak
- Tanaman Kontan
- Ekopelancongan @ Hutan Hujan Tropika
- Rangkaian Gas Asli Cecair LNG Kinta Kampar - Bidor - Tg Malim - Teluk Intan - Bagan Datuk

Daerah Batang Padang

ASEAN Agrotech Distribution Center

Berpotensi tinggi dalam pembangunan pelancongan kerana kewujudan aset sumber semula jadinya, tarikan flora dan fauna dan elemen kebudayaan yang boleh diketengahkan dan dipromosikan sehingga peringkat antarabangsa.

Daerah Muallim

Hub Inovasi Teknologi Automotif


Berpotensi untuk dibangunkan sebagai daerah "Gerbang Automotif Negara dan Daerah Mesra Belia serta Mampan"

2.6 KONSEP PEMBANGUNAN



Rajah 2.18: Konsep Pembangunan Batang Padang
Sumber: Kajian PIL MD Tapah 2035

OBJEKTIF




TERAS



FOKUS SEKTOR

Fokus sektor ini menjadi tonggak utama matlamat dan selaras dengan dasar Pembangunan Negeri Perak.



KONSEP PEMBANGUNAN PELAN INDUK LANDSKAP BAGI MAJLIS DAERAH TAPAH




Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Tapah 2035

2.7 SOSIOEKONOMI

2.7.1 AKTIVITI PERNIAGAAN

Berdasarkan maklumat guna tanah semasa, aktiviti komersial di Daerah Batang Padang adalah seluas 242.28 hektar bersamaan 0.13% daripada keseluruhan kawasan kajian. Aktiviti komersial tertumpu di pusat perniagaan utama iaitu Pusat Bandar Tapah, Pusat Bandar Bidor dan Pekan Sungkai yang merupakan pusat pentadbiran, institusi kerajaan dan perkhidmatan. Kawasan perniagaan baharu adalah Bandar Pendidikan di Tapah Road, *Asean Agrotech Distribution Center* di Tapah, Bandar Baru Bidor, Sentral Bidor dan Sentral Sungkai. **Rajah 2.20** mempamerkan pecahan aktiviti perniagaan di Daerah Batang Padang yang mempunyai lesen perniagaan dari Majlis Daerah Tapah (MDT).



Rajah 2.19: Pecahan Aktiviti Perniagaan Daerah Batang Padang
Sumber: RTBP 2035




Rajah 2.20: Pusat Bandar Tapah yang menempatkan pelbagai jenis aktiviti perniagaan
Sumber: Kajian PIL MD Tapah 2035

Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Tapah 2035


2.7.2 SEKTOR PELANCONGAN

Bilangan pelancong yang mengunjungi ke Perak telah merekodkan seramai 1.4 juta.



Rajah 2.21: Prestasi Pelancongan Domestik Malaysia Mengikut Negeri 2021
 Sumber: Survei Pelancongan Domestik 2021, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Pada tahun 2021, pelancongan domestik di Perak mengalami kejatuhan yang signifikan dari segi bilangan ketibaan pelawat domestik dan jumlah terimaan kesan daripada penularan virus COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Bilangan ketibaan pelawat domestik di Perak merosot -65.9 peratus berbanding 2020 untuk merekodkan 4.49 juta pelawat (2020: 13.17 juta pelawat). Paparan 1 menunjukkan jumlah perjalanan pada 2021 menurun kepada 4.67 juta perjalanan berbanding 14.05 juta perjalanan pada tahun 2020.



Rajah 2.22: Statistik Penting Pelancongan Domestik, Perak, 2020 dan 2021
 Sumber: Survei Pelancongan Domestik 2021, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Selain penurunan ketibaan pelawat domestik, jumlah terimaan di Perak juga menunjukkan penurunan. Pada 2021, jumlah terimaan pelancongan domestik Perak berjumlah RM1.2 bilion, turun sebanyak -65.0 peratus berbanding RM3.3 bilion pada tahun sebelumnya. Purata terimaan per perjalanan pada 2021 meningkat sebanyak RM248 berbanding RM236 yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Sementara itu, bilangan hari menginap turut meningkat kepada 2.29 hari berbanding 1.85 hari pada tahun 2020.

Kesan semasa kes covid yang melanda juga telah menyumbang kemerosotan aktiviti pelancongan di daerah Batang Padang yang menjana ekonomi masyarakat.

Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Tapah 2035

2.7.2 SEKTOR PELANCONGAN

Batang Padang terkenal dengan keindahan flora dan fauna yang menjadikan daerah ini antara destinasi penting pelancongan di Negeri Perak. Terdapat 2 tarikan pelancongan kolam air panas yang terkenal di daerah adalah *Felda Residence Hot Springs*, Sungkai dan Hutan Rekreasi Kuala Woh, Tapah. Batang Padang juga mempunyai 2 lokasi rekreasi air terjun yang popular dan strategik iaitu Lata Kinjang dan Lata Iskandar.

Selain itu, tarikan lain di Batang Padang ialah keindahan dan keunikan perkampungan orang asli. Daerah ini mempunyai jumlah penduduk orang asli tertinggi di Negeri Perak seramai 18,625 orang dengan 77 buah kampung. Produk eko pelancongan lain adalah Pusat Konservatif Hidupan Liar, Sungkai di mana pengunjung boleh melihat pelbagai haiwan seperti seladang, rusa, burung merak, burung kuang dan sebagainya. Malahan, terdapat juga tarikan pelancongan di Sungkai di mana menarik ribuan pengunjung untuk menikmati makanan tempatan yang disajikan di Nasi Bamboo Sungai Klah.



Rajah 2.23: Kawasan menarik yang menjadi destinasi pelancongan di Daerah Batang Padang
Sumber: Kajian PIL MD Tapah 2035

2.7.3 SEKTOR PERINDUSTRIAN DAN PERLOMBONGAN


Berdasarkan maklumat guna tanah 2020, aktiviti industri di Daerah Batang Padang adalah seluas 1,158.99 hektar bersamaan 0.64% daripada keseluruhan kawasan kajian. Daerah Batang Padang mempunyai 2 kawasan perindustrian terancang iaitu Zon Perindustrian Chenderiang (195.79 hektar) dan Zon Perindustrian Bidor (135.13 hektar). **Rajah 2.25** mempamerkan pecahan jenis-jenis aktiviti perindustrian di Daerah Batang Padang.



Rajah 2.24: Pecahan Aktiviti Perindustrian dan Perlombongan Daerah Batang Padang
Sumber: RTBP 2035

2.7.4 PUSAT INTERNET DAN MAKLUMAT

Batang Padang mempunyai 13 buah Pusat Internet Komuniti dan 1 Pusat Maklumat Rakyat mengikut statistik pada tahun 2021.



Rajah 2.25 : Statistik Pusat Internet dan Maklumat Daerah Batang Padang
Sumber: Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Petikan MyLocal Stats Perak 2021 (Jabatan Perangkaan Malaysia), 2021

2.7.5 SEKTOR KESIHATAN

Batang Padang mempunyai 2 buah hospital kerajaan, 7 buah klinik kesihatan (termasuk klinik kesihatan ibu dan anak) dan 19 buah klinik desa mengikut statistik pada tahun 2021.



Rajah 2.26: Pejabat Kesihatan Daerah Batang Padang merupakan Pusat Operasi Kesihatan di kawasan kajian
Sumber: Kajian PIL MD Tapah 2035


2.7.6 SEKTOR PERTANIAN, PETERNAKAN DAN PERIKANAN

Aktiviti pertanian yang dijalankan di Daerah Batang Padang meliputi kelapa sawit, getah dan dusun buah-buahan yang pelbagai. Berdasarkan maklumat guna tanah semasa, aktiviti pertanian di Daerah Batang Padang adalah seluas 71,675.87 hektar bersamaan 39.80% daripada keseluruhan kawasan kajian. Keluasan guna tanah pertanian terbesar di Daerah Batang Padang adalah tanaman kelapa sawit kira-kira 45,948 hektar (70%).


Aktiviti subsektor penternakan yang dijalankan adalah ternakan ayam, itik, khinzir, lembu dan kambing. Hasil ternakan yang paling dominan adalah ternakan ayam pada tahun 2019. Melihat kepada aktiviti subsektor perikanan, aktiviti akuakultur dijalankan di bekas kawasan bekas lombong, kawasan kolam air tawar dan tangki simen.



Peratusan Keluasan Jenis Guna Tanah Pertanian



Bilangan Hasil Ternakan




Rajah 2.27: Pecahan Aktiviti Pertanian dan Penternakan Daerah Batang Padang
Sumber: RTBP 2035



Rajah 2.28: Aktiviti pertanian dan penternakan yang dijalankan di Daerah Batang Padang
Sumber: Kajian PIL MD Tapah 2035

2.7.7 SEKTOR PENDIDIKAN

Batang Padang mempunyai 82 buah sekolah merangkumi 66 buah sekolah rendah dan 16 buah sekolah menengah pada 2021. Bilangan guru dan murid di sekolah rendah seramai 1,231 guru dan 10,848 murid manakala sekolah menengah mencatatkan seramai 860 guru dan 8,289 murid pada 2021.



Rajah 2.29: Statistik Pendidikan Daerah Batang Padang

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia, Petikan MyLocal Stats Perak 2021 (Jabatan Perangkaan Malaysia), 2021



Rajah 2.30: Sekolah PPD Batang Padang merupakan salah satu penawaran kemudahan pendidikan di kawasan kajian
Sumber: Kajian PIL MD Tapah 2035




Rajah 2.31: Universiti Teknologi Mara @ Cawangan Tapah
Sumber: Kajian PIL MD Tapah 2035

Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Tapah 2035

2.7.7 SEKTOR PENDIDIKAN

Secara keseluruhannya, guna tanah kemudahan masyarakat adalah seluas 1,476 hektar (0.82%) dari keseluruhan Daerah Batang Padang. Kategori pendidikan menunjukkan peratusan tertinggi dengan kadar 46.82% daripada jumlah keseluruhan jenis guna tanah kemudahan masyarakat di daerah tersebut.



Rajah 2.32: Guna tanah kemudahan masyarakat
Sumber: RTBP 2035

2.7.7.1 BANDAR PENDIDIKAN DI KAWASAN PERTUMBUHAN UTAMA (KPU)


JUSTIFIKASI

Cadangan ini adalah selaras dengan matlamat dan visi Daerah Batang Padang yang ingin menjadikan Bandar Tapah sebagai bandar Pendidikan.

Mewujudkan sebuah bandar integrasi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) yang menghimpunkan institusi dan pusat penjaanaan inovasi bagi memartabatkan bidang TVET.

KOMPONEN CADANGAN

- Tahfiz TVET/Giatmara/Kolej Komuniti/KEMAS.
- Institusi Teknik dan Vokasional Bertaraf Antarabangsa.
- Menyediakan kawasan lot pembangunan.
- Pembinaan infrastruktur dan kemudahan sokongan yang secukupnya.



Rajah 2.33: Cadangan Bandar Pendidikan di Kawasan Pertumbuhan Utama (KPU)
Sumber: RTBP 2035

2.8 MAJLIS DAERAH TAPAH



Rajah 2.34: Majlis Daerah Tapah
Sumber: Portal Majlis Daerah Tapah 2023

2.8.1 LATAR BELAKANG MDT

Majlis Daerah Tapah (MDT) telah ditubuhkan pada 01 September 1979 dan diwartakan mengikut Warta Kerajaan Negeri Perak No. PK.PU. 89/24.11.1979 dengan keluasan 179,078.80 hektar. Ia merangkumi kawasan di kiri dan kanan laluan utama dari sempadan Majlis Daerah Kinta Selatan hingga ke Trolak dan 200 meter di kiri dan kanan jalan Sungkai/ Kampung Menderang, Sidor/Teluk Intan, Tapah/Cameron Highlands dan Temoh/Teluk Intan. Sebelum Majlis Daerah ditubuhkan, Daerah Batang Padang ini ditadbir dan diuruskan oleh beberapa Lembaga Sandaran serta Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan.

Logo Majlis Daerah Tapah



Maksud Logo Majlis Daerah Tapah

	<ul style="list-style-type: none"> Lambang bulan, bintang dan warna kuning melambangkan pemerintahan Diraja Negeri Perak
	<ul style="list-style-type: none"> Warna merah melambangkan keberanian
	<ul style="list-style-type: none"> Bentuk bulat melambangkan muafakat dan kekukuhan dalam satu pasukan. Bentuk pen melambangkan ilmu
	<ul style="list-style-type: none"> Rekaan topografi pada logo sebagai identiti sokongan sekiranya memerlukan sebarang rekaan tanpa logo rasmi. Jenis tulisan ialah Times New Roman
	<ul style="list-style-type: none"> Warna biru tua melambangkan ketelusan dan keamanan
	<ul style="list-style-type: none"> Bentuk daun melambangkan pertanian sebagai satu aktiviti utama di kawasan Tapah
	<ul style="list-style-type: none"> Lima buku yang terbuka melambangkan rukun Islam sebagai pegangan utama dan buku melambangkan modal insan yang berkualiti tinggi bagi meningkatkan keupayaan serta kemampuan untuk mengatur, mengawal dan merancang pembangunan serta kegunaan tanah dan bangunan di dalam kawasan tadbirnya

Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Tapah 2035

2.8.2 SUMBER PENDAPATAN MDT

Struktur kewangan MDT menunjukkan keadaan yang tidak stabil hampir setiap tahun dari tahun 2016 hingga 2020, iaitu perbelanjaan melebihi pendapatan (defisit) sebagaimana Jadual 2.6. Oleh itu, sumber pendapatan MDT perlu dirancang dengan lebih teratur untuk melonjakkan nilai pendapatan pada setiap tahun. Dengan pelaksanaan projek/program Rancangan Tempatan Daerah Batang Padang 2035 dan peluasan kawasan operasi MDT pada masa hadapan, dijangka penambahan jumlah kelulusan kebenaran merancang dan kutipan cukai oleh MDT di masa depan akan meningkatkan hasil cukai dan bukan cukai MDT. Namun demikian, pelaksanaan projek/program Rancangan Tempatan Daerah Batang Padang 2035, terutama di fasa pertama, memerlukan peruntukan yang mencukupi. Di antara sumber yang diharapkan adalah daripada:



Rajah 2.35: Carta Sumber Pendapatan MDT
Sumber: RTBP 2035

Unjuran pendapatan MDT menjangkakan peningkatan sehingga 2 hingga 3 peratus setiap tahun sehingga tahun 2035. Situasi ini menunjukkan ekonomi daerah Batang Padang akan berkembang maju dan mampu menjana semula hasil pendapatan bagi Pihak Berkuasa Tempatan.

Tahun	Pendapatan	Peratus %	Perbelanjaan	Peratus %	Lebihan/ Kurang
2016	13,939,797.00	-	11,006,648.00	-	2,933,149.00
2017	13,999,567.00	0.4	12,805,923.00	14.1	1,193,644.00
2018	13,197,624.00	5.7	10,885,130.00	15.0	2,312,494.00
2019	34,325,303.00	61.6	32,201,483.00	66.2	2,123,820.00
2020	25,839,239.00	24.7	28,221,364.00	12.4	2,382,125.00

Jadual 2.1 Menunjukkan trend hasil pendapatan Majlis Daerah Tapah 2016-2020
Sumber: RTBP 2035

2.8.3 VISI DAN MISI MDT

VISI


DAERAH LESTARI, BERDAYA MAJU DAN BERDAYA HUNI

"Majlis Daerah Tapah akan menjadikan kawasan-kawasan operasi dan pentadbirannya bersih dari segala sampah, mempunyai pembangunan yang mampan dalam menjana ekonomi, progresif dalam menguruskan kesejahteraan dan kemakmuran khususnya kepada rakyat tempatan."

MISI

BATANG PADANG SEBAGAI DAERAH PELANCONGAN, PENDIDIKAN DAN INDUSTRI SUMBER JAYA

"Memacu Daerah Batang Padang sebagai daerah pelancongan, pendidikan serta industri yang berasaskan sumber."




Rajah 2.36: Kawasan Kajian semasa Majlis Daerah Tapah
Sumber: Kajian PIL MD Tapah 2035

Struktur organisasi MDT diterajui oleh Yang Dipertua bersama Ahli-ahli Majlis. Organisasi MDT ini diketuai oleh Setiausaha yang mengurus 12 bahagian dan unit Pengurusan MDT.

Pengurusan organisasi MDT adalah bertanggungjawab melaksanakan segala dasar yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa-jawatankuasa termasuk arahan-arahan dan pekeliling-pekeliling daripada peringkat persekutuan dan negeri.

Fungsi bahagian-bahagian di dalam pengurusan MDT ini adalah menyokong perkhidmatan dalam melaksanakan dasar-dasar yang telah ditetapkan selain daripada tugas-tugas asas yang disenaraikan dalam surat caranya.

2.8.4 OBJEKTIF MDT



2.8.5 CARTA ORGANISASI MDT



Sumber: Portal rasmi Majlis Daerah Tapah 2023

KEADAAN SEMASA 03







3.0 KEADAAN SEMASA


3.1 CIRI-CIRI FIZIKAL KAWASAN, GUNA TANAH & IKLIM

3.1.1 GUNA TANAH SEMASA

Rajah 3.1 dan Rajah 3.2 menunjukkan komposisi dan taburan guna tanah semasa kawasan kajian berdasarkan Rancangan Tempatan Daerah Batang Padang 2035 (Penggantian). Secara umumnya, Daerah Batang Padang didominasi oleh guna tanah bukan tepu bina seluas 171,233.00 hektar (95.09%) manakala guna tanah tepu bina hanya merangkumi kawasan seluas 8,837.44 hektar (4.91%). Guna tanah hutan merupakan guna tanah terbesar merangkumi 90,979.95 hektar (50.52%) di mana majoritinya terletak di bahagian timur.



Rajah 3.1: Komposisi Guna Tanah Semasa Daerah Batang Padang
Sumber: RTBP 2035




Rajah 3.2: Taburan Guna Tanah Semasa Daerah Batang Padang
Sumber: Jabatan Perancangan Bandar dan Desa 2023, i-Plan

Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Tapah 2035

3.1.2 BENTUK MUKA BUMI

KETINGGIAN TANAH

Daerah Batang Padang




KECERUNAN TANAH

Daerah Batang Padang




*Gunung tertinggi di Daerah Batang Padang adalah Gunung Batu Putih (2,131 meter).



Rajah 3.3: Bentuk Rupa Bumi (Ketinggian dan Kecerunan Tanah)

Sumber: Kajian PIL MD Tapah 2035



Rajah 3.4: Model 3D Bentuk Rupa Bumi Daerah Batang Padang
Sumber: Kajian Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Tapah, Perak, 2023

3.1.3 IKLIM SETEMPAT

Daerah Batang Padang mengalami iklim Khatulistiwa iaitu iklim Hutan Hujan Tropika di mana monsun Timur Laut bertiup dari bulan November hingga Mac dan Monsun Barat Daya bertiup dari bulan Mei hingga September dan peralihan monsun dari bulan April hingga Oktober. Rajah 3.5 menunjukkan maklumat monsun dan cerapan terpilih di Stesen Meteorologi Hospital Tapah (Batang Padang).

Monsun Timur Laut


- Angin lazim dari arah timur laut
- Kelajuan angin 10 - 30 knot
- Musim yang lembap (anggaran 4 - 5 luruhan monsun yang boleh menyebabkan banjir)

Monsun Barat Daya

- Angin lazim dari arah barat daya
- Kelajuan angin kurang dari 15 knot
- Musim yang relatif kering

Tempoh Peralihan Monsun

- Angin adalah lemah dari pelbagai arah
- Palung Khatulistiwa merentangi Malaysia
- Kerap berlaku ribut petir pada waktu petang



Rajah 3.5: Maklumat Iklim Daerah Batang Padang

Sumber: Jabatan Meteorologi Malaysia, 2023


3.2 PERSEMPADANAN DAN JALAN UTAMA

Daerah Batang Padang mempunyai karakter persempadanan yang strategik kerana menjadi titik temu antara Utara dan Selatan. Lokasinya yang strategik ini juga telah menjadikan Daerah Batang Padang sebagai destinasi “transit” atau hub perhubungan yang menghubungkan ke semua destinasi di Perak malah kawasan-kawasan menarik di dalam Malaysia.

Kajian mendapati tiada unsur-unsur pengindahan landskap dijalankan di kesemua kawasan pintu masuk tersebut. Namun, berdasarkan kajian mengikut keluasan kawasan kawalan Majlis Daerah Tapah, papan tanda sempadan kawasan kawalan yang terletak di bahagian Utara, Selatan, Timur dan Barat tidak meliputi keseluruhan Majlis Daerah Tapah.

Sempadan bandar merupakan kawasan yang menjadi tumpuan orang ramai di mana ia melibatkan empat kawasan utama iaitu, Chenderiang, Tapah, Bidor dan Sungkai. Ketiga-tiga kawasan utama ini masih lagi kurang unsur atau ‘sense of welcoming’ di pintu masuk bagi setiap kawasan.

Persempadanan dan jalan utama di daerah Batang Padang tidak menunjukkan identiti daerah secara keseluruhan. Secara tidak langsung, mengurangkan tarikan dari faktor landskap visual dan ‘sense of welcoming’ kepada pengguna jalan raya yang melalui daerah Batang Padang.



- Petunjuk**
- Sempadan Kawasan Kajian
 - Sempadan Daerah
 - Sempadan Blok Perancangan (BP)
 - Landasan Keretapi
 - Perumahan
 - Komersial
 - Industri
 - Infrastruktur dan Utiliti
 - Institusi dan Kemudahan Masyarakat
 - Pengangkutan
 - Tanah Lapang dan Rekreasi
 - Hutan
 - Pertanian
 - Tanah Kosong
 - Badan Air

Rajah 3.6: Daerah Batang Padang menjadi titik tumpu para pengunjung yang mengunjungi kawasan di utara mahupun selatan. Lokasinya yang strategik berpotensi dalam menjadi hub persinggahan dan destinasi pelancongan.

Sumber: Jabatan Perancangan Bandar dan Desa 2023, i-Plan

3.3 KARAKTER LANDSKAP

5 kawasan landskap yang dikenal pasti di Daerah Batang Padang:



PENCEMARAN

Kawasan semula jadi yang kian tercemar berpotensi untuk pengindahan landskap dan mengetengahkan fungsinya sebagai kawasan rekreasi dan pelancongan.

KAWASAN PERSEMPADANAN

Pembentukan imej dan identiti landskap kawasan persempadanan melalui perancangan dan reka bentuk landskap lembut dan kejur supaya dapat mewujudkan "sense of welcoming"



TIADA IMEJ IDENTITI TANAMAN RASMI

Pembangunan landskap jalan yang komprehensif dengan menggalakkan penanaman tanaman rasmi di sepanjang jalan utama dapat meningkatkan imej visual dan identiti daerah.

TIADA IMEJ IDENTITI KAWASAN REKREASI

Penyediaan landskap di bandar dan petempatan serta kawasan rekreasi, perumahan dan industri perlu dilaksanakan secara terancang bagi menonjolkan identiti dan imej kawasan dengan lebih jelas.




3.3.1 PUSAT BANDAR TAPAH

Bandar Tapah adalah merupakan sebuah bandar kecil yang terletak di daerah Batang Padang di Selatan Perak yang mempunyai kepadatan penduduk seramai 79, 100. Lokasi bandar Tapah agak strategik di mana ianya terletak begitu hampir dengan jalan persekutuan yang menghubungkan antara bandaraya Kuala Lumpur & bandaraya Ipoh.

1 PINTU MASUK

Bandar Tapah dihubungkan dengan jalan persekutuan melalui persimpangan yang juga dikenali sebagai Tapah Road. Melalui persimpangan ini, Pekan Tapah juga dihubungkan dengan jalan raya menuju ke Bandar Teluk Intan. Selain daripada itu, Pekan Tapah juga dihubungkan dengan Lebuh raya Utara Selatan melalui susur keluar masuk di Plaza Tol Tapah. Terdapat sebuah hentian Rehat dan Rawat Tapah berhampiran susur keluar masuk dari lebuh raya tersebut. Lokasi Bandar Tapah juga sangat strategik di mana ianya terletak berdekatan dengan Pekan Cameron Highland di bahagian Timur dan negeri Selangor di sebelah Selatan.



Rajah 3.7: Bandar Tapah yang strategik boleh dijadikan mod perhubungan atau hub transit yang menghubungkan ke pelbagai destinasi menarik.

Sumber: Google Earth, Batang Padang 2023



Rajah 3.8: Secara amnya, Pusat Bandar Tapah adalah sebuah bandar kecil yang mempunyai perancangan yang agak tersusun. Ini dapat diperhatikan dari susun atur pusat bandar yang dibina berasaskan sistem grid.

Sumber: Google Earth, Batang Padang 2023

2 JALAN

Sebagai sebuah bandar kecil yang tersusun, bandar Tapah juga telah dilengkapi dengan fasiliti untuk pejalan kaki, diantaranya, terdapat siar kaki yang baik disediakan di sepanjang jalan-jalan raya. Pihak MDT juga telah berusaha untuk membangunkan sebuah daripada jalan perkhidmatan sebagai satu laluan pejalan kaki yang dilengkapi dengan mural-mural. Selain itu, jaringan pejalan kaki sedia ada boleh diperkembangkan untuk merangkumi lebih banyak kawasan berpotensi seperti mural street art yang terletak di bandar Tapah dan gerai-gerai makanan yang menyajikan makanan tradisi penduduk Tapah.



Sumber: PIL MD Tapah 2035



Rajah 3.9: Jaringan pejalan kaki yang disediakan juga berpotensi dalam mempraktikkan "universal design" sebagai sebuah elemen yang boleh diguna dan diakses oleh semua golongan.
Sumber: PIL MD Tapah 2035

3 BANDAR DAN PETEMPATAN

Landskap Bandar Tapah amat menonjolkan ciri-ciri kehijauan yang berlatarkan bukit bukau. Ianya menyumbangkan kepada kesan pemandangan yang panoramik dan berpotensi untuk diketengahkan sebagai salah satu elemen kekuatan landskap Bandar Tapah yang menghubungkan kawasan landskap sedia ada iaitu Taman Malaysia Tapah. Ianya menjadi salah satu tarikan penduduk setempat untuk menikmati kawasan hijau serta menghubungkan dengan Sungai Batang Padang.



Rajah 3.10: Pemandangan udara Bandar Tapah yang dikelilingi kawasan hijau bukit bukau.
Sumber: Media Viral Perak

Dari segi senibina, secara amnya, bangunan yang terdapat pada bandar kecil ini adalah merupakan bangunan-bangunan bercirikan zaman awal era pemodenan. Namun begitu, selari dengan peredaran masa, kebanyakan bangunan-bangunan ini telah diubah suai bagi mengikut keperluan semasa. Ini menjadikan karakter dari segi senibina keseluruhan bandar kecil ini lebih bercampur baur dan tidak lagi mempunyai identiti yang kukuh.

4 KAWASAN SEMULA JADI

TAMAN MALAYSIA TAPAH

Taman Eko Lata Iskandar terletak di pertengahan jalan di antara Tapah dan Cameron Highland, merupakan salah sebuah kawasan rekreasi air terjun yang menarik dengan alam semula jadinya yang mengagumkan dan mudah untuk dikunjungi. Air terjun ini mempunyai kolam-kolam takungan di setiap hujung barisnya, menyediakan satu tempat mandi yang sesuai untuk seisi keluarga. Bahagian bawah air terjun ini, terdapat bazar-bazar kraftangan yang menawarkan pelbagai hasil kraftangan yang dihasilkan oleh Orang Asli.



Sumber: Google Image, Taman Eko Lata Iskandar



Rajah 3.11: Deretan kedai di sepanjang jalan Lata Iskandar ini menawarkan pelbagai kraf tangan masyarakat tempatan dan juga buah-buahan, akan tetapi kawasan ini kurang menitik beratkan akan keselamatan pengunjung kerana kedudukannya bersebelahan jalan raya utama.

Sumber: Google Image, Taman Eko Lata Iskandar



Rajah 3.12: Taman Eko Lata Iskandar mempunyai pelbagai rekreasi awam kepada pengunjung, akan tetapi ianya berpotensi berlakunya pencemaran sisa pepejal akibat kekurangan penguatkuasaan.
Sumber: Google Image, Taman Eko Lata Iskandar

5 KAWASAN REKREASI

TAMAN MALAYSIA TAPAH

Ciri-ciri landskap di Taman Malaysia Tapah lebih tertumpu kepada karakter alam bina disebabkan oleh kerana lokasinya, dan elemen-elemen sedia ada di taman tersebut seperti wujudnya elemen-elemen badan air, rupa bentuk bumi dan juga pokok-pokok yang mempunyai ciri-ciri tanaman teduhan. Ianya saling melengkapi untuk dinaikkan menjadi taman landskap yang berpotensi kepada destinasi pelancongan.



Sumber: PIL MD Tapah 2035



Rajah 3.13: Taman Awam Malaysia Tapah yang berpotensi dalam menaikkan landskap hijau dan koridor biru untuk dijadikan taman rekreasi kegunaan para pengguna.
Sumber: PIL MD Tapah 2035

3.3.2 PUSAT BANDAR BIDOR

Bandar Bidor ialah sebuah bandar dalam daerah Batang Padang yang mempunyai kepadatan penduduk seramai 30,000 orang. Bandar Bidor berkembang daripada aktiviti perlombongan bijih timah yang menjadi sumber ekonomi utama pada suatu masa dahulu. Selain daripada aktiviti perlombongan, Bidor juga terkenal dengan produk pertanian seperti petai, durian, buah jambu dan buah-buahan tempatan yang lain.

1 PINTU MASUK

Lokasi Bidor terletak hampir ditengah-tengah daerah Batang Padang. Bandar Bidor merupakan bandar yang mempunyai akses ke arah Pekan Sungkai di Selatan dan dihubungkan dengan Pekan Tapah melalui jalan persekutuan di arah Utara. Selain itu, Bidor juga dihubungkan dengan Bandar Teluk Intan di bahagian Barat.



Rajah 3.14: Sepertimana Bandar Tapah, Bandar Bidor juga dilatari oleh bangunan-bangunan lama era awal Malaysia moden. Susun atur pusat Bandar Bidor juga bercirikan sistem grid dengan jalinan jalan raya yang baik.
Sumber: Google Earth, Bandar Bidor 2023

2 JALAN

Sebagai sebuah bandar kecil yang tersusun, Bandar Bidor juga telah dilengkapi dengan fasiliti untuk pejalan kaki, diantaranya, terdapat siar kaki yang baik disediakan di sepanjang jalan-jalan raya. Jaringan pejalan kaki ini amat berpotensi untuk dinaiktarafkan supaya lebih menonjolkan identiti serta menaikkan imej landskap bandar Tapah. Selain itu, jaringan pejalan kaki sedia ada boleh diperkembangkan untuk merangkumi lebih banyak kawasan berpotensi.



Rajah 3.15: Pasar pagi Bidor berpotensi untuk dihubungkan dengan jaringan pejalan kaki ke destinasi seperti Sungai Bidor, Petai Lane dan hentian bas lama Bidor yang boleh menguatkan kesinambungan jaringan pejalan kaki di Bandar Bidor.
Sumber: PIL MD Tapah 2035

3 BANDAR DAN PETEMPATAN

Bagi menonjolkan imej Bandar Bidor sebagai pengeluaran buah-buahan, pihak MDT telah berusaha menyediakan sebuah mercu tanda yang dihiasi dengan arca buah-buahan. Selain daripada itu, terdapat juga sebuah kawasan tarikan pengunjung iaitu Petai Lane. Lokasi Petai Lane ini juga terletak di laluan pejalan kaki utama berpotensi untuk dimajukan sebagai sebuah ruang awam bandar yang boleh menghubungkan antara hentian bas lama dan pasar pagi Bidor.



Rajah 3.16: Bandar Bidor kurang penanaman tepian jalan yang boleh menyerikan landskap bandar disertakan dengan laluan pejalan kaki yang boleh menerapkan ciri “universal design” kepada pengguna jalan kaki.

Sumber: Google Image, Bandar Bidor



Rajah 3.1.7: Petai Lane yang berpotensi untuk dijadikan titik tumpu menghubungkan jaringan laluan utama pejalan kaki ke destinasi yang lain serta dijadikan kawasan utama pengeluaran produk buah-buahan tempatan.

Sumber: PIL MD Taah 2035



Rajah 3.18: Mercu tanda Bandar Bidor berpotensi untuk menjadi pintu gerbang masuk ke bandar serta menghubungkan laluan utama dan jaringan laluan pejalan kaki.

Sumber: PIL MD Taah 2035

4 KAWASAN SEMULA JADI

SUNGAI

Bidor adalah sebuah penempatan kecil yang menggunakan sungai sebagai satu perhubungan di antara satu pekan ke satu pekan pada zaman dahulu. Sungai Bidor digunakan sebagai penghubung penempatan ini ke Pekan Teluk Intan. Kebanyakan rumah ada di tepi sungai sehinggalah perusahaan bijih timah bermula.



Sungai Bidor
Sumber: PIL MD Tapah 2035




Sungai Gedung

Rajah 3.19: Bandar Bidor terletak diantara dua batang sungai iaitu Sungai Gedung & Sungai Bidor. Titik pertemuan dua batang Sungai ini yang terletak di sekitar Bandar Bidor memberikan potensi yang besar untuk dimajukan menjadi jaringan hijau bagi Bandar Bidor.

Sumber: Google Image, Sungai Gedung

LUBUK DEGONG (*BIDOR WATERFALL*)

Lubuk Degong adalah tempat perkelahan berasaskan air bagi penduduk tempatan. Air Terjun Lubok Degong atau dikenali sebagai Bidor Waterfall ataupun Gepai Waterfall terletak dikaki Banjaran Titiwangsa. Jauhnya dari Pekan Bidor kira-kira 8 km dan boleh dimasuki dengan pelbagai kenderaan darat.



Rajah 3.20: Lubuk Degong atau Bidor Waterfall berpotensi untuk dinaiktarafkan dengan kemudahan serta dilengkapi dengan landskap yang teratur bagi dijadikan satu destinasi pelancongan dan terbuka kepada pengunjung.

Sumber: Google Image, Bidor Waterfall

Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Tapah 2035

3.3.3 PETEMPATAN PINGGIR BANDAR

Selain daripada Bandar Tapah dan Bandar Bidor, terdapat beberapa petempatan pinggir bandar (pekan-pekan utama) di daerah Batang Padang iaitu Pekan Sungkai, Pekan Chenderiang, Pekan Air Kuning, dan Pekan Temoh.

PEKAN TEMOH

Pekan Temoh terletak di dalam mukim Chenderiang, daerah Batang Padang, Perak. Ia terletak antara Kampar and Tapah. Nama pekan ini berasal dari sebatang sungai iaitu Sungai Temu. Ia adalah sebuah persimpangan diantara dua batang sungai. Pekan ini juga wujud dari ledakan kegiatan perlombongan bijih timah di Tanah Melayu pada suatu ketika dahulu. Majoriti penduduknya adalah orang Melayu dari suku Rawa, Mendailing, Jawa, Perak dan lain-lain lagi.



PEKAN CHENDERIANG

Pekan Chenderiang terletak di daerah Tapah, Perak, Malaysia. Lebuhraya Utara Selatan melalui kawasan Chenderiang, di sebelah kiri dan kanan. Kawasan ini diairi oleh Sungai Chenderiang, yang turun dari kawasan gunung dan bukit di sebelah Barat.

Nama "Chenderiang" berasal dari perkataan cantik dan '觀' (liang), yang juga membawa makna cantik dalam kedua-dua bahasa Malaysia dan Mandarin. Kawasan yang berhampiran ialah Kampung Sungai Genting, Temoh, Kampar, Mambang Di Awan, Kampung Pahang Taman Bukit Hijau dan Kampung Lubuk Katak.



PEKAN SUNGKAI

Pekan Sungkai merupakan sebuah pekan kecil yang terletak dalam Daerah Batang Padang. Sungkai memperolehi namanya dari sejenis pokok yang dinamakan Sesungkai. Pekan Sungkai tidak begitu besar namun di sini terdapat beberapa buah Rancangan Felda seperti Felda Sungai Klah, Felda Gugusan Trolak, Felda Gugusan Gunung Besout dan rancangan Felcra Changkat Sulaiman. Punca pendapatan utama penduduk disini adalah seperti pertanian kelapa sawit, getah, sayur-sayuran, buah-buahan, kakitangan kerajaan dan swasta.



PEKAN AIR KUNING

Pekan Air Kuning yang terletak di negeri Perak yang mempunyai ratusan bekas lombong yang dirajai ikan *Peacock Bass*. Pekan Air Kuning sangat teratur menggunakan sistem grid bagi mewujudkan pekan ini.



1 PINTU MASUK

Lokasi pekan-pekan ini dapat dihubungkan dan diakses melalui jalan persekutuan dari Tapah dan menuju ke arah pekan-pekan tersebut.

Tiada gerbang atau pintu masuk yang menjadi suatu tarikan visual dan maklumat kepada pengguna jalan raya yang melalui jalan persekutuan. Penekanan dalam memberikan identiti pintu masuk di pekan kecil dapat menjadi titik permulaan tarikan pengunjung untuk singgah di kawasan ini sekaligus meningkatkan ekonomi di pinggir bandar.

2 JALAN

Sebagai sebuah bandar kecil yang tersusun, Bandar Bidor juga telah dilengkapi dengan fasiliti untuk pejalan kaki, diantaranya, terdapat siar kaki yang baik disediakan di sepanjang jalan-jalan raya. Jaringan pejalan kaki ini amat berpotensi untuk dinaiktarafkan supaya lebih menonjolkan identiti serta menaikkan imej landskap bandar Tapah. Selain itu, jaringan pejalan kaki sedia ada boleh diperkembangkan untuk merangkumi lebih banyak kawasan berpotensi.

3 BANDAR DAN PETEMPATAN

Sebahagian besar pekan-pekan tersebut adalah kawasan hijau dan perumahan yang terdiri daripada taman perumahan dan tempat perkampungan. Perumahan tersebut mempunyai campuran rumah dengan reka bentuk moden dan tradisional. Institusi sekolah, tempat ibadat, bangunan komersial dan kemudahan awam hanya boleh dijumpai di sekitar kawasan perumahan tersebut. Selain daripada aktiviti komersial, terdapat juga aktiviti-aktiviti pertanian secara kecil-kecilan.

Pekan-pekan ini juga menonjolkan karakter landskap alam bina dengan gabungan nilai-nilai semula jadi dan mempunyai corak perancangan serta pembangunan secara berkelompok dan tersusun.

Melalui tinjauan awal yang dijalankan, kawasan landskap yang didapati berpotensi adalah Taman Tasik Temoh di Pekan Temoh. Taman Eko Lata Kinjang di Pekan Chenderiang, Namun, kawasan-kawasan lapang lain yang berpotensi di Pekan Sungkai dan Pekan Air Kuning juga bakal dikenal pasti melalui kajian pada peringkat seterusnya.



4 KAWASAN SEMULA JADI

TAMAN EKO LATA KINJANG, CHENDERIANG

Taman Eko Rimba Lata Kinjang merupakan air terjun yang tertinggi di Asia Tenggara. Karakter air terjunnya yang bertingkat serta ditambah dengan aliran air yang bebas daripada sebarang bentuk pencemaran dari Banjaran Titiwangsa menjadi tumpuan destinasi pengunjung dari pelbagai negeri. Aliran air yang mengalir melalui takat terjun membentuk kolam kecil menaikkan kesegaran dan kesejukan air terjun.

Semua takat terjun yang terdapat di taman ini sehingga ke lokasi titi gantung di bahagian atas banjaran itu dibentuk semula jadi akibat aliran air yang mengalir jatuh lalu menolak batu-batu kecil untuk membentuk kolam kecil di setiap takat terjun itu.

Elemen badan air, rupa bentuk muka bumi serta geologi menjadikan kawasan ini sebagai tarikan pelancong. Selain itu, Taman Eko Rimba Lata Kinjang juga menyediakan pelbagai aktiviti seperti bermalam di kapsul dan di tapak perkhemahan. Kawasan ini dijaga dan diurus sepenuhnya oleh Koperasi Orang Asli.




Rajah 3.21: Bentuk muka bumi yang menunjukkan antara pekan pekan kecil di daerah Batang Padang; Pekan Air Kuning, Pekan Temoh, Pekan Chenderiang dan Pekan Sungkai
Sumber: PIL MD Tapah 2034



Sumber: PIL MD Tapah 2035



Sumber: PIL MD Tapah 2035




Sumber: PIL MD Tapah 2035

Rajah 3.22: Taman Eko Lata Kinjang menawarkan pelbagai kemudahan kepada pengunjung untuk dinikmati dalam suasana alam semula jadi. Antara kemudahan yang disediakan adalah tandas awam, tapak perkhemahan, dan teratak.

Sumber: PIL MD Tapah 2035

HUTAN LIPUR KUALA WOH

Hutan Lipur Kuala Woh merupakan pemuliharaan alam semula jadi yang terletak 13 km dari Bandar Tapah. Terletak dalam Hutan Simpan Bukit Tapah merupakan jenis Hutan Dipterokarpa Bukit. Hutan Rekreasi ini menyediakan denai-denai penerokaan hutan yang lengkap, lantas menawarkan perjalanan dan pengembaraan hutan yang menarik. Hutan Rekreasi Kuala Woh juga menyediakan kawasan perkemahan kolam air panas semulajadi di Lubok Merbau. Selain itu, jambatan gantung sepanjang 30 meter yang merentasi Sungai Batang Padang membolehkan pengunjung menikmati pemandangan yang menarik daripada bahagian atas jambatan menjadi satu daya penarik yang unik bagi hutan rekreasi ini.



Rajah 3.23: Hutan Lipur Kuala Woh yang menawarkan kawasan rehat dan air panas semula jadi yang berlatarkan hutan simpan menjadi tumpuan pengunjung.

Sumber: Google Image, Hutan Lipur Kuala Woh

5 KAWASAN REKREASI

TAMAN AWAM TASIK TEMOH, CHENDERIANG

Taman Tasik Temoh pula adalah peninggalan lombong yang dijadikan kemudahan taman rekreasi yang disediakan dengan kemudahan rekreasi seperti alat senaman, tandas dan taman permainan kanak-kanak. Tasik Temoh merupakan tujuan dan tarikan pengunjung untuk berkumpul dan melalukan pelbagai aktiviti rekreasi dan riadah.



Rajah 3.24: Taman Tasik Temoh yang menawarkan pelbagai aktiviti riadah dan memaparkan karakter karakter landskap yang menarik seperti arca, taman refleksologi, dan pelbagai tanaman teduhan.

Sumber: Google Image, Taman Tasik Temoh

HOTSPRING FELDA SUNGAI KLAH, SUNGKAI

Hotspring Felda Sungai Klah di Sungkai merupakan kawasan air panas semulajadi. Karakter alam bina yang menarik dan elemen-elemen sedia ada seperti badan air, geologi (hutan dan sungai) dan rupa bentuk bumi di kawasan tersebut telah menjadi kawasan ini sebagai satu tarikan kepada pengunjung.



Rajah 3.25: Hotspring Felda Sungai Klah yang menawarkan air panas semula jadi yang berlatar belakangkan bukit bukau dan penginapan menjadi destinasi pengunjung pada musim cuti sekolah.

Sumber: Google Image, Hotspring Felda Sungai Klah, Sungkai

3.3.4 KEBUDAYAAN & PERAYAAN

Batang Padang mempunyai penduduk berbilang kaum yang utama di Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India. Negeri Perak mempunyai orang asli terbanyak di Malaysia. Kaum orang asli terbanyak di Tapah ialah Kaum Rawa (Rao).

KAUM RAWA (RAO)

Ada yang menggelar mereka Melayu Rao atau Melayu Rawa. Kaum ini banyak bertumpu di beberapa negeri di Semenanjung Malaysia seperti Perak dan Pahang. Mengamati fizikal mereka, tiada banyak perbezaan dengan Melayu Malaysia cuma bahasa pertuturannya berbeza iaitu seakan-akan Minang.

Mengikut tulisan Prof Dr HM Bukhari Lubis (Universiti Pendidikan Sultan Idris) dan Afriadi Sanusi (Universiti Malaya), Melayu Rao ini ditakrif sebagai beragama Islam, bermastautin di Rao, Sumatra Barat. Pada tahun 2009, sekitar 60,000 orang di Rao kerana majoritinya sudah berhijrah ke Malaysia dan Singapura.



Rajah 3.26: Hubungan masyarakat kaum Rawa di Pahang dan Perak.

Sumber: Google Image, Kaum Rawa

Kaum Rao yang pertama berpindah ke Tanah Melayu adalah golongan petani sekitar abad ke-5 Masihi. Faktor perdagangan bebas ketika zaman Kesultanan Melayu Melaka pada pada ke-15, menggalakkan lebih ramai orang Rao merantau, berdagang dan terus bermastautin di sini.




Rajah 3.27: Adat resam masyarakat kaum Melayu Rawa yang mempersembahkan upacara berjojak tanah di Daerah Batang Padang.

Sumber: Google Image, Adat Resam Kaun Rawa

Upacara berjojak, iaitu melatih bayi berjalan di atas tanah, dilakukan setelah bayi berumur 13 bulan. Pilihan sajian adalah pulut kuning dan ayam panggang, yang juga sebagai pengeras iaitu bayaran kepada 'tukang jojak'.

Upacara dilaksanakan pada waktu pagi antara 1 - 15 haribulan dalam kalendar Hijriah. Bayi dilatih berjalan di atas tiga jenis tanah serta beberapa jenis bunga.



Rajah 3.28: Makanan tradisi Kaum Melayu Rawa iaitu buluh kelamai atau buluh hawa yang boleh disimpan berbulan lamanya.
Sumber: Google Image, Lemang Kelamai

KARNIVAL 3F @ TAPAH CAR FREE DAY

Karnival 3F adalah merupakan salah satu aktiviti kemasyarakatan yang dianjurkan oleh Majlis Daerah Tapah. Tujuan karnival tersebut diadakan adalah untuk mengurangkan jumlah karbon dioksida di dalam kawasan bandar Tapah.

Karnival ini telah diperkenalkan pada tahun 2023 untuk menggalakkan orang ramai untuk turut serta menyahut Dasar Kerajaan di peringkat Antarabangsa iaitu *Sustainable Development Goals* (SDG) terutama SDG yang ke-13, iaitu, "*Climate Action*". Dalam masa yang sama, aktiviti ini menggalakkan orang ramai untuk menjalani aktiviti rekreasi dan riadah ke arah saranan budaya hidup sihat.



Rajah 3.29: Karnival 3F @ Car Free Day yang berjaya diadakan di Bandar Tapah bagi mengeratkan hubungan perpaduan antara masyarakat di bandar tersebut selain menjaga landskap yang sedia ada.
Sumber: Google Image, Karnival 3F Tapah

Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Tapah 2035

3.4 ISU & POTENSI

3.4.1 MATLAMAT PEMBANGUNAN LANDSKAP

Matlamat Pembangunan Landskap Batang Padang mengambil kira Visi dan Misi Majlis Daerah Tapah yang menekankan “Daerah Lestari, Berdaya Maju dan Berdaya Huni” serta menjadikan Batang Padang sebagai daerah Pelancongan, Pendidikan dan Industri Sumber Jaya.

Pembangunan landskap Batang Padang yang berterusan dan pesat mampu melahirkan suasana makmur yang berpotensi menjadikan Batang Padang pusat pelancongan bagi dalam dan luar negara, pusat pendidikan dan pusat ekonomi semula jadi.

3.4.2 PENDEKATAN PEMBANGUNAN LANDSKAP


Untuk merealisasikan matlamat di atas, pendekatan pembangunan landskap adalah fokus kepada :



3.4.3 PENEMUAN AWAL KAWASAN KAJIAN

Berdasarkan penemuan awal kawasan kajian, Batang Padang didapati mempunyai keunikan tersendiri yang mana ia boleh ditonjolkan untuk meningkatkan daya tarikan pengunjung dalam negara dan juga luar negara. Keunikan Batang Padang serta isu dan potensi yang berkaitan dapat dihuraikan seperti berikut:-

LOKASI DAN AKSESIBILITI



Imej 3.1: Peta lokasi Batang Padang menunjukkan beberapa aksesibiliti yang menghubungkan bandar di daerah Batang Padang.

Sumber: Google map, Batang Padang

KEUNIKAN BATANG PADANG

Lokasi Batang Padang yang strategik dan menjadi laluan utama kerana berdekatan dengan Cameron Highland, Pahang di sebelah timur dan Selangor di sebelah Selatan. Batang Padang mempunyai tahap aksesibiliti yang tinggi dengan sistem perhubungan jalan yang baik iaitu dapat diakses melalui Lebuh raya Utara Selatan dan Jalan Persekutuan. Hal ini menjadikan Batang Padang sebagai destinasi persinggahan pelancong dari pelbagai negeri sebelum ke destinasi seterusnya.

ISU

- Kurang pusat atau hentian tumpuan di sepanjang jalan utama terutama di jalan persekutuan yang dapat menarik pengunjung untuk singgah di Batang Padang.
- Kurang papan tanda yang menyatakan arah tempat-tempat menarik Batang Padang kepada pengguna jalan raya di sepanjang jalan-jalan utama.


POTENSI

- Menyediakan pusat tumpuan atau hentian transit yang mempunyai kemudahan asas dan daya tarikan visual yang menggalakkan pengunjung untuk singgah.
- Menyediakan papan tanda atau arca pintu masuk di setiap kawasan sempadan bandar di Batang Padang serta di hentian tumpuan untuk menarik perhatian pemandu yang melalui di sepanjang jalan utama.


LANGKAH-LANGKAH

- Mengenal pasti lokasi strategik yang berpotensi sebagai pusat tumpuan atau hentian transit yang mampu memberi impak kepada kehadiran pengunjung di Daerah Batang Padang.
- Memastikan persekitaran landskap di sepanjang jalan utama Batang Padang dipelihara dan reka bentuk perlandskap menerapkan elemen-elemen Batang Padang.

SUMBER SEMULA JADI



Imej 3.2



Imej 3.3

Imej 3.2 & Imej 3.3: Antara keunikan alam semula jadi di daerah Batang Padang.

Sumber: PIL MD Tapah 2035

KEUNIKAN BATANG PADANG

Daerah Batang Padang terdiri daripada kawasan tanah tinggi yang membentuk banjaran Titiwangsa di bahagian timur. Hampir separuh bahagian daerah ini merupakan kawasan rizab hutan yang tertumpu di bahagian timur. Kawasan tanah pamah pula tertumpu di kawasan penempatan dan pertanian di bahagian barat. Antara rizab semula jadi di daerah Batang Padang iaitu:

- I. Taman Eko Lata Kinjang
- II. Taman Eko Lata Iskandar
- III. Hutan Lipur Kuala Woh

ISU

- Secara umumnya kurang kemudahan dan elemen yang mengalu-alukan kedatangan (*sense of welcoming*) di laluan masuk ke kawasan rizab semula jadi.
- Susun atur fasiliti dan kemudahan yang tidak dijaga dengan baik menyebabkan keadaan kurang selesa dan membahayakan keselamatan pengunjung.
- Kurang menekankan imej dan elemen tarikan daerah Batang Padang bagi menonjolkan keunikan tempat-tempat ini.
- Potensi berlaku pencemaran sisa pepejal akibat kekurangan penguatkuasaan.


POTENSI

- Menaik taraf kawasan tarikan semula jadi dan laluan masuk dengan perlandskap yang sesuai dan lengkap dengan gerbang masuk dan elemen-elemen visual sebagai tarikan.
- Penyediaan kemudahan tempat pembuangan sampah yang efektif.
- Menyediakan kemudahan dan perabot-perabot landskap yang memudahkan pengunjung untuk menikmati alam semula jadi dengan selesa.

LANGKAH-LANGKAH

- Mengenal pasti akses & pintu masuk yang memudahkan pengunjung.
- Menganalisis kawasan-kawasan yang berpotensi dijadikan kawasan rekreasi aktif dan pasif.
- Menyediakan atau menaik taraf kemudahan rekreasi sedia ada yang mesra pengguna dan bersesuaian dengan piawaian antarabangsa.
- Mengenalpasti tempat atau nod yang dapat merangsangkan deria seperti pemandangan, bunyian, bau, sentuhan dan elemen-elemen unik yang dapat diterapkan dalam setiap Kawasan.


SUMBER SEMULA JADI: TAMAN EKO LATA KINJANG



Imej 3.4

Imej 3.4: Jambatan gantung yang merentasi Sungai Taman Eko Lata Kinjang.

Sumber: PIL MD Tapah 2035



Imej 3.5

Imej 3.5: Keunikan air terjun Taman Eko Lata Kinjang yang menjadi sebab kehadiran pengunjung.

Sumber: PIL MD Tapah 2035

KEUNIKAN

- Taman Eko Rimba Lata Kinjang merupakan air terjun yang tertinggi di Asia Tenggara. Karakter air terjunnya yang bertingkat serta ditambah dengan aliran air yang bebas daripada sebarang bentuk pencemaran dari Banjaran Titiwangsa menjadi tumpuan destinasi pengunjung dari pelbagai negeri. Aliran air yang mengalir melalui takat terjun membentuk kolam kecil menaikkan kesegaran dan kesejukan air terjun. Kawasan ini dijaga dan diurus sepenuhnya oleh Koperasi Orang Asli.

ISU

- Tidak menekankan 'Universal Design' untuk memberi kemudahan serta keselesaan kepada setiap golongan tidak mengira umur dan kemampuan pengunjung.
- Potensi berlakunya pencemaran sisa pepejal akibat kekurangan penguatkuasaan.



POTENSI

- Meningkatkan reka bentuk sejagat dan kemudahan yang boleh digunakan oleh setiap golongan tidak mengira umur dan kemampuan supaya pengunjung dapat menikmati alam semula jadi Batang Padang.
- Penyediaan kemudahan tempat pembuangan sampah yang efektif serta penguatkuasaan yang berterusan.

LANGKAH-LANGKAH

- Menyediakan kemudahan rekreasi sedia ada dan reka bentuk sejagat yang bersesuaian dengan piawaian antarabangsa demi keselamatan dan keselesaan pengunjung.

SUMBER SEMULA JADI: TAMAN EKO LATA ISKANDAR



Imej 3.6 & Imej 3.7: Air terjun Taman Eko Lata Iskandar
Sumber: PIL MD Tapah 2035

KEUNIKAN

- Taman Eko Lata Iskandar terletak di pertengahan jalan di antara Tapah dan Cameron Highland, merupakan salah sebuah kawasan rekreasi air terjun yang menarik dengan alam semula jadinya yang mengagumkan dan mudah untuk dikunjungi. Air terjun ini mempunyai kolam-kolam takungan di setiap hujung barisnya, menyediakan satu tempat mandi yang sesuai untuk seisi keluarga. Bahagian bawah air terjun ini, terdapat bazar-bazar kraftangan yang menawarkan pelbagai hasil kraftangan yang dihasilkan oleh Orang Asli.

ISU

- Kemudahan yang tidak dijaga dan ditambah baik kurang menggalakkan kunjungan pengunjung untuk menikmati keseluruhan Lata Iskandar dengan selesa.
- Tidak menekankan 'Universal Design' untuk memberi kemudahan serta keselesaan kepada setiap golongan tidak mengira umur dan kemampuan pengunjung.
- Potensi berlakunya pencemaran sisa pepejal akibat kekurangan penguatkuasaan.
- Bazar-bazar kraftangan yang terletak di tepi jalan utama berpotensi membahayakan keselamatan pengunjung.



POTENSI

- Menaik taraf kawasan masuk landskap visual dan kemudahan sedia ada dengan rawatan landskap yang sesuai demi keselesaan pengunjung.
- Meningkatkan reka bentuk sejagat dan kemudahan yang boleh digunakan oleh setiap golongan tidak mengira umur dan kemampuan supaya pengunjung dapat menikmati alam semula jadi Batang Padang.
- Penyediaan kemudahan tempat pembuangan sampah yang efektif serta penguatkuasaan yang berterusan.

LANGKAH-LANGKAH

- Menyediakan dan menaik taraf kemudahan sedia ada dan reka bentuk sejagat yang bersesuaian dengan piawaian antarabangsa demi keselamatan dan keselesaan pengunjung.
- Menyediakan panduan untuk pembinaan bazar di tempat yang lebih baik dengan ciri-ciri keselamatan bagi keselesaan pengunjung dan pengguna jalan raya sekaligus menarik ramai pelancong untuk ke destinasi ini.

SUMBER SEMULA JADI: HUTAN LIPUR KUALA WOHO



Imej 3.8 & Imej 3.9: Suasana Hutan Lipur Kuala Woh yang terkenal dengan kolam air panas semulajadi.
Sumber: PIL MD Tapah 2035

KEUNIKAN

- Hutan Lipur Kuala Woh terletak dalam Hutan Simpan Bukit Tapah merupakan jenis hutan dipterokarpa bukit. Hutan Rekreasi Kuala Who menyediakan kawasan perkelahan kolam air panas semulajadi di Lubok Merbau. Selain itu, jambatan gantung sepanjang 30 meter yang merentasi Sungai Batang Padang membolehkan pengunjung menikmati pemandangan yang menarik daripada bahagian atas jambatan menjadi satu daya penarik yang unik bagi hutan rekreasi ini.

ISU

- Kurang menunjukkan imej dan elemen tarikan bagi menonjolkan keunikan tempat ini.
- Kemudahan yang tidak dijaga dan ditambah baik kurang menggalakkan kunjungan pengunjung untuk menikmati keseluruhan Hutan Lipur Kuala Woh dengan selesa.
- Tidak menekankan 'Universal Design' untuk memberi kemudahan serta keselesaan kepada setiap golongan tidak mengira umur dan kemampuan pengunjung.
- Potensi berlakunya pencemaran sisa pepejal akibat kekurangan penguatkuasaan.

POTENSI

- Berpotensi untuk pengindahan landskap dan mengetengahkan fungsinya sebagai kawasan rekreasi dan pelancongan.
- Menaik taraf kawasan masuk landskap visual dan kemudahan sedia ada dengan rawatan landskap yang sesuai demi keselesaan pengunjung.
- Meningkatkan reka bentuk sejagat dan kemudahan yang boleh digunakan oleh setiap golongan tidak mengira umur dan kemampuan supaya pengunjung dapat menikmati alam semula jadi Batang Padang.
- Penyediaan kemudahan tempat pembuangan sampah yang efektif serta penguatkuasaan yang berterusan.

LANGKAH-LANGKAH

- Menyediakan dan menaik taraf kemudahan sedia ada dan reka bentuk sejagat yang bersesuaian dengan piawaian antarabangsa demi keselamatan dan keselesaan pengunjung.

SUMBER PERTANIAN, PERLADANGAN & PENTERNAKAN

KEUNIKAN BATANG PADANG


- Sektor pertanian, perladangan dan penternakan di Batang Padang mempunyai prospek yang baik untuk berkembang maju melalui projek secara perladangan, komersial dan bersepadu.



Imej 3.10

Imej 3.10: DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan berkenan meluangkan masa untuk melihat ruang pameran serta pengisian yang disediakan sepanjang Agrofest 2023, Perak.
Sumber: Pejabat Pertanian Daerah Batang Padang & Muallim

Imej 3.11: Agropreneur muda bersama sebahagian kambing peliharaannya di ladang ternakan, Bidor, Perak.
Sumber: Bebas News, 2020



Imej 3.11

ISU

- Sektor pertanian tidak ditonjolkan sepenuhnya.
- Sektor pertanian hanya tertumpu kepada hasil pertanian - tiada penekanan kepada kawasan-kawasan pertanian sebagai tarikan pelancong.
- Isu pencemaran air dan bau berlaku di kawasan-kawasan penternakan babi seperti di Bidor. Keadaan ini boleh menjejaskan sumber air bagi tujuan pembekalan air ke daerah Batang Padang.

POTENSI

- Menjadikan kawasan-kawasan pertanian sebagai 'showcase' untuk pelancong mempamerkan kaedah dan hasil pertanian.
- Membina *Agromart* atau pusat hasil pertanian dalam persekitaran taman yang mempamerkan, menjual dan mempromosikan kebelbagaian produk dari hasil pertanian.
- Menyediakan ruang bagi program berkaitan dengan produk pertanian, perladangan & penternakan yang bersifat pendidikan untuk manfaat generasi akan datang.
- Menggunakan ikon-ikon produk pertanian yang unik di Batang Padang seperti lambang nanas, ayam, lembu dan itik di dalam pembangunan landskap untuk menonjolkan Batang Padang yang kaya dengan hasil pertanian, perladangan dan penternakan.

LANGKAH-LANGKAH

- Menganalisis dan mengenal pasti kawasan-kawasan berpotensi dijadikan 'showcase' pertanian, penternakan dan perladangan di daerah Batang Padang.
- Mengenal pasti kesesuaian pembangunan landskap bagi tujuan *agromart* dan program agronomi.
- Menyediakan atau menaik taraf kemudahan sedia ada yang bersesuaian ke arah piawaian antarabangsa.
- Menyediakan tempat untuk tujuan penternakan yang lebih sistematik dan bersih.
- Menyediakan pusat agro pelancongan yang dapat menyumbang kepada ekonomi daerah Batang Padang.



Imej 3.12

Imej 3.12: Lawatan pasukan teknikal TKPM Sungkai bertujuan mengatasi masalah kekurangan tanah yang sesuai untuk tanaman dan memperbaiki kesuburan tanah.
Sumber: Pejabat Pertanian Batang Padang & Muallim

SUMBER PERLOMBONGAN DAN KUARI

KEUNIKAN BATANG PADANG

- Terdapat banyak aktiviti-aktiviti perlombongan dan kuari serta bekas-bekas lombong bijih timah dan emas di dalam daerah Batang Padang. Aktiviti-aktiviti kuari juga dikenal pasti seperti hasil bumi, tanah liat, granit dan batu kapur.



Imej 3.13

Imej 3.13: Aktiviti kuari yang dijalankan memberi potensi pencemaran air, udara dan bunyi.
Sumber: Bebas News, 2019

Imej 3.14: Kapal Korek Tanjung Tualang 5 (TT5) dibina pada tahun 1938 telah menjalani naiktaraf dari enjin wap dengan menggunakan arang batu kepada elektrik sepenuhnya pada tahun 1963.
Sumber: Orang Perak, 2019



Imej 3.14

ISU

- Sektor perlombongan tidak ditonjolkan sepenuhnya.
- Tiada penekanan kepada bekas kawasan-kawasan perlombongan dan kuari untuk dijadikan salah satu daya tarikan pelancong.
- Terdapat potensi pencemaran air, udara dan bunyi yang berlaku di sekitar Kawasan perlombongan dan kuari terutamanya yang berdekatan dengan kawasan-kawasan petempatan.

POTENSI

- Menjadikan bekas kawasan-kawasan perlombongan dan kuari sebagai 'showcase' untuk pelancong yang mempamerkan kaedah dan hasil perlombongan dan kuari.
- Menyediakan ruang atau program yang berkait dengan perlombongan dan kuari yang bersifat pendidikan untuk manfaat generasi akan datang.
- Menggunakan bekas-bekas lombong dan kuari di dalam pembangunan landskap atau menjadikannya suatu elemen tarikan untuk menonjolkan daerah Batang Padang.

LANGKAH-LANGKAH

- Menganalisis dan mengenal pasti kawasan-kawasan yang berpotensi dijadikan 'showcase' perlombongan Batang Padang.
- Menganalisis kawasan perlombongan dan kuari di sekitar Batang Padang untuk dinaik taraf dan diberikan imej dan identiti yang bersesuaian pembangunan landskap bagi tujuan pelancongan dan juga pemantapan di sektor ekonomi.
- Menyediakan atau menaik taraf sekitar kawasan perlombongan dan kuari menggunakan elemen landskap untuk mengurangkan pencemaran bagi kesejahteraan penduduk sekitar.
- Menyediakan garis panduan dan program pemantauan sistem perlombongan yang sedia ada dan di kawasan-kawasan baru.



Imej 3.15

Imej 3.15: Suasana Muzium Perlombongan Biji Timah Kita yang berpotensi diimplikasikan di Batang Padang.
Sumber: Wetotla.my

PENANAMAN TEPIAN JALAN

KEUNIKAN BATANG PADANG

- Pokok tanaman tepian jalan di daerah Batang Padang kebanyakannya telah matang dan perlu dikekalkan untuk dijadikan identity sekaligus menonjolkan keunikan Batang Padang itu sendiri.



ISU

- Tiada perlandskapan yang seragam dan beridentiti di landskap tepian jalan.
- Tiada keseragaman dan hierarki dalam pemilihan pokok.
- Kurang pokok teduhan dan tiada kesinambungan pokok teduhan di antara setiap tepian jalan.
- Tiada penanaman 'bertingkat' (*layering*) untuk memberi keselesaan dari segi skala dan visual.
- Penanaman bersifat tidak sistematik atau '*piecemeal*' dan tiada penekanan secara keseluruhan.

POTENSI

- Mewujudkan koridor hijau yang mampan bagi setiap kawasan rizab tepian jalan.
- Pelandskapan Batang Padang dengan persekitaran yang sihat, selamat dan kondusif bagi pemandu jalanraya.
- Penekanan yang tinggi terhadap keseragaman dan hierarki penanaman yang secara tidak langsung mewujudkan identiti bagi setiap jalan melalui tema pemilihan pokok dan meningkatkan landskap visual setiap kawasan.

LANGKAH-LANGKAH

- Mencadangkan pokok teduhan dan hiasan yang bersesuaian untuk dijadikan tema bagi setiap jalan.
- Menganalisis visual bagi menentukan tiada halangan visual untuk keselamatan bila memandu, kawasan yang perlu diberi kelainan landskap sebagai amaran tentang perubahan jalan raya dan visual tarikan yang perlu ditekankan.
- Menyediakan garis panduan pelandskapan untuk memastikan keselamatan kepada pemandu jalan raya.
- Meneliti budaya dan kehidupan masyarakat untuk diberi pelandskapan dan kemudahan yang sesuai bagi kesejahteraan kehidupan masyarakat di daerah Batang Padang.



Imej 3.16, Imej 3.17 & Imej 3.18: Penanaman tepian jalan di bandar utama Batang Padang yang berpotensi untuk dinaiktaraf dan mewujudkan identiti yang seragam.
Sumber: PIL MD Tapah 2035

KAWASAN LAPANG DAN REKREASI BANDAR

KEUNIKAN BATANG PADANG

Kemudahan kawasan lapang dan rekreasi disediakan di daerah Batang Padang yang merupakan satu keperluan bagi kawasan bandar dapat membantu meningkatkan kualiti kehidupan Masyarakat setempat. Antaranya:

- Hotspring Felda Sungai Klah
- Taman Awam Tasik Temoh
- Taman Awam Malaysia Tapah

ISU

- Kurang penyelenggaraan terhadap landskap kejur dan landskap lembut yang menjejaskan landskap visual dan membahayakan keselamatan pengguna.
- Kebanyakan kawasan rekreasi di Batang Padang tidak menekankan 'Universal Design' untuk memberi kemudahan serta keselesaan kepada setiap golongan tidak mengira umur dan kemampuan pengunjung.
- Tiada konsep yang khusus bagi setiap kawasan rekreasi yang menggambarkan identiti Batang Padang.

POTENSI

- Menaik taraf dan memelihara landskap kejur dan landskap lembut untuk meningkatkan landskap visual kawasan rekreasi dan demi keselesaan serta keselamatan pengunjung.
- Menyediakan kemudahan rekreasi dengan meningkatkan reka bentuk sejagat yang boleh digunakan oleh setiap golongan tidak mengira umur dan kemampuan supaya pengunjung dapat menikmati alam semula jadi Batang Padang.
- Mewujudkan identiti kawasan rekreasi dengan elemen-elemen dan budaya yang terdapat di setiap kawasan rekreasi Batang Padang.

LANGKAH-LANGKAH

- Mengenal pasti keunikan kawasan untuk dijadikan tema atau identiti kawasan lapang dengan meningkatkan landskap visual Batang Padang.
- Menganalisis aktiviti-aktiviti riadah pengunjung serta mengenal pasti aktiviti-aktiviti yang berpotensi untuk diadakan dan ditambah baik bagi menarik minat pengunjung.
- Menyediakan dan menaik taraf kemudahan sedia ada dan reka bentuk sejagat yang bersesuaian dengan pawiain antarabangsa demi keselamatan dan keselesaan pengunjung.



Imej 3.19: Taman Awam Malaysia Tapah yang berpotensi dalam menaikkan landskap hijau dan koridor biru untuk dijadikan taman rekreasi kegunaan para pengguna.
Sumber: PIL MD Tapah 2035



Imej 3.20: Taman Tasik Temoh yang menawarkan pelbagai aktiviti riadah dan memaparkan karakter-karakter landskap.
Sumber: Google Image, Taman Tasik Temoh

LANDSKAP BANDAR: BANDAR TAPAH

KEUNIKAN BANDAR TAPAH

Landskap Bandar Tapah menonjolkan ciri-ciri kehijauan yang berlatarkan bukit bukau. Ianya menyumbangkan kepada kesan pemandangan yang panoramik dan berpotensi untuk diketengahkan sebagai salah satu elemen kekuatan landskap yang menghubungkan kawasan landskap sedia ada iaitu Taman Malaysia Tapah. Ianya menjadi salah satu tarikan penduduk setempat untuk menikmati kawasan hijau dengan menghubungkan sungai Batang Padang.

ISU

- Tiada identiti alam bina dan landskap bandar yang jelas yang menonjolkan identiti Bandar Tapah.
- Jaringan pejalan kaki yang tidak menghubungkan keseluruhan kawasan berpotensi di Bandar Tapah.
- Kawasan pinggir sungai Batang Padang yang tidak diketengahkan sepenuhnya sebagai tarikan landskap Bandar Tapah.



Imej 3.21

Imej 3.21: Kawasan pinggir sungai Batang Padang yang berpotensi menghubungkan landskap bandar dan sungai sebagai salah satu tarikan Bandar Tapah.

Sumber:



Imej 3.22

Imej 3.22: Jaringan pejalan kaki yang disediakan juga berpotensi dalam mempraktikkan "universal design" sebagai sebuah elemen yang boleh diguna dan diakses oleh semua golongan.

Sumber: PIL MD Tapah 2035

POTENSI

- Mewujudkan identiti kepada Bandar Tapah melalui pembangunan alam bina dan landskap yang bersesuaian serta menerapkan rasa "*sense of welcoming*".
- Mewujudkan dan menambah baik jaringan pejalan kaki di seluruh kawasan bandar yang membolehkan serta menarik pengunjung meneroka kawasan menarik di Bandar Tapah dengan selesa.
- Mewujudkan lingkaran hijau di kawasan pinggir sungai Batang Padang yang menghubungkan landskap bandar dan sungai sebagai salah satu tarikan Bandar Tapah.

LANGKAH-LANGKAH

- Mengenal pasti identiti untuk pembangunan landskap bandar melalui elemen-elemen unik dan budaya Bandar Tapah itu sendiri.
- Mengambil kira reka bentuk bersesuaian dengan landskap sedia ada untuk dikaitkan supaya mencipta persekitaran landskap bandar yang seimbang.
- Mengenal pasti kawasan-kawasan yang berpotensi untuk ditonjolkan di Bandar Tapah dan menghubungkannya dengan jaringan pejalan kaki yang efektif dan mesra pengguna.

LANDSKAP BANDAR: BANDAR BIDOR

KEUNIKAN BANDAR BIDOR

Landskap bandar Bidor disajikan ciri-ciri kehijauan yang berlatarkan bukit bukau yang menyumbangkan kepada kesan pemandangan yang panoramik. Bandar Bidor yang menghubungkan Petai Lane sebagai titik tengah yang terletak di laluan pejalan kaki utama berpotensi untuk dimajukan sebagai sebuah ruang awam bandar yang menghubungkan antara hentian bas lama dan pasar pagi Bidor.

ISU

- Tiada identiti alam bina dan landskap bandar yang jelas yang menonjolkan identiti Bandar Bidor.
- Jaringan pejalan kaki yang tidak menghubungkan keseluruhan kawasan berpotensi di Bandar Bidor.
- Pertembungan Sungai Bidor dan Sungai Gedung yang tidak diketengahkan sepenuhnya sebagai tarikan landskap Bandar Bidor.



Imej 3.23

Imej 3.23: Suasana Bandar Bidor yang tiada identiti alam bina dan landskap yang jelas yang dapat menarik pengunjung untuk hadir.
Sumber: Google Image, Bandar Bidor



Imej 3.24

Imej 3.24: Potensi menjadi jaringan hijau di kawasan pinggir serta menghubungkan landskap bandar dan sungai sebagai salah satu tarikan Bandar Bidor.
Sumber: PIL MD Tapah 2035

POTENSI

- Mewujudkan identiti kepada Bandar Bidor melalui pembangunan alam bina dan landskap yang bersesuaian serta menerapkan rasa "sense of welcoming".
- Mewujudkan dan menambah baik jaringan pejalan kaki di seluruh kawasan bandar yang membolehkan serta menarik pengunjung meneroka kawasan menarik di Bandar Bidor dengan selesa.
- Mewujudkan jaringan hijau di kawasan pinggir serta pertembungan Sungai Bidor dan Sungai Gedung yang menghubungkan landskap bandar dan sungai sebagai salah satu tarikan Bandar Bidor.

LANGKAH-LANGKAH

- Mengenal pasti identiti untuk pembangunan landskap bandar melalui elemen-elemen unik dan budaya Bandar Bidor itu sendiri.
- Mengambil kira reka bentuk bersesuaian dengan landskap sedia ada untuk dikaitkan supaya mencipta persekitaran landskap bandar yang seimbang.
- Mengenal pasti kawasan-kawasan yang berpotensi untuk ditonjolkan di Bandar Bidor dan menghubungkannya dengan jaringan pejalan kaki yang efektif dan mesra pengguna.

IDENTITI BANDAR: BANDAR TAPAH

IDENTITI BANDAR TAPAH

Bandar Tapah terletak di tepi jalan persekutuan di antara Kuala Lumpur dan Ipoh. Terdapat simpang ke Pekan Tapah Road di sebelah kiri yang menghala ke bandar Teluk Intan. Sungai yang mengalir di pinggirnya ialah Sungai Batang Padang. Tapah juga ada susur masuk ke Lebuhraya Utara-Selatan melalui Jalan Pahang yang juga menjadi jalan utama ke Cameron Highland. Di Lebuhraya Utara Selatan, terdapat satu Perhentian Rehat & Rawat yang terbesar di sepanjang Lebuhraya PLUS.

ISU

- Tiada identiti alam bina dan landskap bandar yang jelas yang menonjolkan identiti Bandar Tapah.
- Tiada suasana bandar yang tersendiri '*genius loci*' yang dapat memberikan perasaan '*sense of place*' kepada pengunjung.
- Tiada titik tumpuan dan kurang kawasan tarikan yang dapat ditonjolkan di Bandar Tapah.



Imej 3.25: Suasana Bandar Tapah yang tiada identiti alam bina dan landskap yang jelas yang dapat menarik pengunjung untuk hadir.
Sumber: Wikipedia Tapah



Imej 3.26: Pemandangan udara Bandar Tapah yang dikelilingi kawasan hijau bukit bukau dan berpotensi menjadi tarikan landskap visual di Batang Padang.
Sumber: Media Viral Perak

POTENSI

- Mewujudkan identiti kepada Bandar Tapah melalui pembangunan alam bina dan landskap yang memberikan suasana unik serta perasaan '*sense of place*' kepada pengunjung.
- Mewujudkan '*genius loci*' melalui perancangan dan landskap bandar yang sesuai.
- Mewujudkan titik tumpuan utama yang dapat menjadi kawasan penting untuk dikunjungi di dalam landskap bandar dan sungai Bandar Tapah.

LANGKAH-LANGKAH

- Mengenal pasti identiti untuk pembangunan landskap bandar melalui elemen-elemen unik, budaya dan gaya hidup masyarakat Bandar Tapah itu sendiri.
- Mengambil kira reka bentuk bersesuaian dengan landskap sedia ada untuk dikaitkan supaya mencipta persekitaran landskap bandar yang seimbang.
- Mengenal pasti tema untuk pembangunan landskap Bandar Tapah dengan mengambil kira keunikan alam bina, alam semula jadi dan warisan Tapah.
- Mengenal pasti kawasan-kawasan yang berpotensi untuk menjadi titik tumpuan di Bandar Tapah.

IDENTITI BANDAR: BANDAR BIDOR

IDENTITI BANDAR BIDOR

Bandar Bidor terkenal dengan aktiviti perlombongan bijih timah yang menjadi sumber ekonomi utama pada suatu masa dahulu. Selain daripada aktiviti perlombongan, Bandar Bidor juga terkenal dengan produk pertanian seperti petai, durian, buah jambu dan buah buahan tempatan yang lain yang turut menjadi imej tarikan kepada pengunjung.

ISU

- Tiada identiti alam bina dan landskap bandar yang jelas yang menonjolkan identiti Bandar Bidor.
- Suasana bandar yang tersendiri '*genius loci*' yang kurang diketengahkan dan perasaan '*sense of place*' kurang dirasai oleh pengunjung.
- Tiada titik tumpuan dan kurang kawasan tarikan yang dapat ditonjolkan di Bandar Bidor.



Imej 3.27

Imej 3.27: Suasana Bandar Bidor yang tiada identiti alam bina dan landskap yang jelas yang dapat menarik pengunjung untuk hadir.
Sumber: PIL MD Tapah 2035



Imej 3.28

Imej 3.28: Mercu tanda bandar Bidor berpotensi untuk menjadi pintu gerbang masuk ke bandar serta menghubungkan laluan utama dan jaringan laluan pejalan kaki.
Sumber: PIL MD Tapah 2035

POTENSI

- Mewujudkan identiti kepada Bandar Bidor melalui pembangunan alam bina dan landskap yang memberikan suasana unik serta perasaan '*sense of place*' kepada pengunjung.
- Mewujudkan '*genius loci*' melalui perancangan dan landskap bandar yang sesuai.
- Mewujudkan titik tumpuan utama yang dapat menjadi kawasan penting untuk dikunjungi di dalam landskap bandar dan sungai Bandar Bidor.

LANGKAH-LANGKAH

- Mengenal pasti identiti untuk pembangunan landskap bandar melalui elemen-elemen unik, budaya dan gaya hidup masyarakat Bandar Bidor itu sendiri.
- Mengambil kira reka bentuk bersesuaian dengan landskap sedia ada untuk dikaitkan supaya mencipta persekitaran landskap bandar yang seimbang.
- Mengenal pasti tema untuk pembangunan landskap Bandar Bidor dengan mengambil kira keunikan alam bina, alam semula jadi dan warisan Bidor.
- Mengenal pasti kawasan-kawasan yang berpotensi untuk menjadi titik tumpuan di Bandar Bidor.

TEMPAT-TEMPAT TARIKAN DI KAWASAN BANDAR

KEUNIKAN BATANG PADANG

Terdapat beberapa tempat-tempat menarik dan penting di sekitar bandar Tapah dan bandar Bidor yang perlu dinaiktarafkan dan diintegrasikan dengan rangkaian pejalan kaki serta persekitaran yang kondusif untuk menggalakkan budaya berjalan kaki dalam bandar.

Tempat-tempat yang dikenal pasti:

- I. Sungai Batang Padang
- II. Mural Art di Bandar Tapah
- III. Taman Awam Malaysia Tapah
- IV. Petai Lane
- V. Sungai Bidor
- VI. Pasar pagi Bidor
- VII. Pusat Buah-Buahan



Imej 3.29



Imej 3.30

Imej 3.29: Petai Lane, Bidor

Sumber: PIL MD Tapah 2035

Imej 3.30: Mural Art Bandar Tapah

Sumber: PIL MD Tapah 2035

ISU

- Kawasan tarikan di kawasan bandar tidak dihubungkan dengan laluan pejalan kaki yang efektif.
- Kawasan hijau bandar yang tidak menunjukkan identiti bandar sekaligus kurang menarik minat pengunjung.
- Pembangunan landskap dan alam bina yang tidak seragam.
- Tiada papan tanda arah yang menunjukkan lokasi tempat menarik di bandar menyukarkan pengunjung.

LANGKAH-LANGKAH

- Mengenal pasti tema atau identiti untuk pembangunan landskap Bandar Tapah dan Bidor dengan mengambil kira keunikan sedia ada seperti alam bina, alam semula jadi dan warisan.
- Menganalisis dan mengenal pasti pokok dan tanaman yang sesuai untuk dijadikan pokok dan tanaman rasmi Bandar Tapah dan Bidor.
- Mengenalpasti kemudahan sedia ada di sekitar kawasan-kawasan menarik di bandar yang boleh dinaik taraf dengan piawaian antarabangsa.

POTENSI

- Menjadikan Bandar Tapah dan Bidor sebagai bandar mesra pejalan kaki yang menghubungkan semua kawasan menarik di sekitar bandar.
- Pembangunan landskap jalan dan bandar yang komprehensif dengan menggalakkan penanaman tanaman terutama di sepanjang jalan utama dapat meningkatkan imej visual dan identiti bandar.
- Pembentukan imej dan identiti landskap kawasan persempadanan melalui perancangan dan reka bentuk landskap lembut dan kejur supaya dapat mewujudkan *'sense of welcoming'* dan *'sense of place'*.



**PENDEKATAN &
METODOLOGI
KAJIAN
04**

Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Tapah 2035

4.1.1 PERINGKAT PENYEDIAAN LAPORAN AWAL

Berdasarkan dapatan awal semasa lawatan awal tapak serta informasi dari Majlis Daerah Tapah, pendekatan kajian akan menumpukan pada potensi berikut:



Sehubungan dengan itu, metodologi dan skop kajian dikenal pasti akan dirangkumi dalam 5 peringkat.

OBJEKTIF

- Objektif kajian pada peringkat ini adalah mendapatkan matlumat awal bagi mengenalpasti keadaan semasa tapak serta potensi dan halangan untuk menggariskan asas Pelan Induk Landskap MDT.

SKOP KERJA

Pada peringkat ini, Pasukan Kerja Kajian akan ditubuhkan yang terdiri daripada pakar-pakar dari pelbagai disiplin yang berkaitan dengan kajian ini dan diketuai oleh Veritas Landscape Sdn. Bhd. sebagai Pengurus Projek. Sebagai Pengurus Projek Kerja Kajian, Veritas Landscape Sdn. Bhd bertanggungjawab untuk mengenalpasti skop-skop kerja dan memantau hasil dan penyerahan kajian dari setiap disiplin mengikut jangka masa Jadual Pelaksanaan yang ditetapkan.

Skop kerja pada peringkat ini meliputi lawatan awal tapak, pengenalan awal tapak serta mengenalasti potensi, mendapatkan inventori data terutama Rancangan Tempatan serta menggariskan asas metodologi bagi data dalam Laporan Teknikal.

SKOP KERJA

Pasukan Kerja Kajian akan menjalankan kerja-kerja pengumpulan data, inventori kawasan kajian mengikut skop kerja dan kepakaran masing masing dan seterusnya membuat analisa dan sintesis kawasan kajian.

Kajian di peringkat ini akan mengumpul dan menganalisa data, mengelaskan data berdasarkan kajian perancangan bandar, hidrologi, alam sekitar, GIS dan hortikultur bagi sintesis yang akan mengenalpasti zon-zon pembangunan landskap yang berpotensi bersama keperluan dan komponen landskap.

ANALISIS KAJIAN

Faktor-faktor yang meliputi kajian inventori, kaji selidik dan analisis kawasan kajian adalah seperti berikut:

- Ciri-ciri fizikal dan guna tanah termasuk sumber asli dan alam semulajadi
- Taburan penduduk, demografi, dan sosio budaya masyarakat tempatan
- Kawasan lapang dan kemudahan rekreasi
- Reka bentuk bandar dan alam bina
- Ciri-ciri landskap, karakter kawasan landskap, penanaman dan tumbuhan
- Visual dan pemandangan
- Alam sekitar dan pengurusan sumber landskap semulajadi
- Badan air dan saliran
- Budaya, sejarah dan gaya hidup penduduk tempatan
- Sosioekonomi
- Kerja jalan dan infrastruktur, akses dan sirkulasi
- Bangunan-bangunan sedia ada yang di bawah pemuliharaan
- Status perancangan dan pembangunan

Dengan menggunakan teknik *SWOT ANALYSIS*, empat (4) aspek Kawasan kajian akan dinilai iaitu, kekuatan dan kelemahan (*strength & weakness*) dan peluang dan ancaman (*opportunity and threat*). Hasil kajian ini dapat membentuk strategi Pembangunan landskap.

4.1.2 PERINGKAT PENYEDIAAN LAPORAN TEKNIKAL

OBJEKTIF

- Objektif kajian pada peringkat ini adalah mengkaji data dari kajian tapak iaitu data primer dan data sekunder untuk merumuskan pembangunan landskap yang berpotensi dan berkesan.

ANALISIS KAWASAN KAJIAN

Faktor-faktor yang meliputi kajian kajian selidik dan inventori, analisis kawasan kajian adalah seperti berikut:

Penilaian Karakter Landskap (*Landscape Character Assessment - LCA*)
Penilaian Karakter Landskap (LCA) ialah kaedah mengenal pasti ciri-ciri yang menjadikan landskap berbeza antara satu sama lain dengan mengklasifikasikan Kawasan Karakter Landskap (*Landscape Character Area - LCA*) dan Jenis Karakter Landskap (*Landscape Character Types - LCT*)

Kawasan Karakter Landskap / *Landscape Character Areas (LCA)*

- Kawasan geografi dengan identiti yang khusus di mana mungkin terdapat sejumlah LCT dan dengan kombinasi jenis landskap ini untuk membuat corak yang tersendiri.

Kategori Karakter Landskap / *Landscape Character Types (LCT)*

- LCT merupakan hasil kajian dengan kaedah *layering/mapping* untuk menterjemahkan *distinctive* dan *generic pattern* dari segi fizikal, topografi, vegetasi, guna tanah, budaya dan alam sekitar yang menjadi asas untuk Pelan Konsep Landskap Majlis Daerah Tapah.
- Proses penentuan karakter landskap akan membentuk kerangka Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Tapah (PIL MDT), Perak sebagai dasar dan garis panduan setempat.

OBJEKTIF PENILAIAN KARAKTER LANDSKAP ADALAH:

- Mengenalpasti ciri-ciri dan karakter utama yang mewujudkan rasa setempat (*sense of place*), dan keunikan sesuatu kawasan, serta pada masa yang sama menentukan pemilihan kawasan-kawasan pembangunan landskap
- Ciri-ciri dan karakter utama yang dikenal pasti akan digunakan sebagai panduan dalam proses perancangan dan rekabentuk landskap yang menyeluruh di sesuatu kawasan-kawasan yang terpilih; dan
- Sebagai asas bukti untuk pembentukan polisi dan cadangan dalam rancangan tempatan, pembangunan dan pengurusan landskap.

Penilaian Karakter Landskap (*Landscape Character Assessment - LCA*)

Keadah-kaedah kajian yang dijalankan adalah:

- Peringkat 1: Kajian Dalaman (Kajian Desktop)
Ini memberikan asas untuk pengklasifikasi kategori LCT, tujuan, ruang lingkup geografi, skala, dan tahap perincian, bersama dengan penekanan yang diperlukan dalam penilaian karakter landskap. Ini termasuk penggunaan gambar dron udara, gambar tapak, menggabungkan penemuan, data-data analisis dan pelan- pelan sintesis untuk menghasilkan pelan kawasan karakter dan pengenalanpastian jenis-jenis karakter setempat.
- Peringkat 2: Kajian Lapangan Tapak (*Field Survey*)
LCA dalam skala 1:50,000 dijalankan secara berkumpulan berdua dengan borang penilaian karakter dengan aspek skop kajian dan sistem permarkahan dan kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak perunding.

Teknik-teknik penilaian yang digunakan adalah *Mapping and Layering, Landscape Classification, Landscape Matrix dan Landscape Visual Assessment*. Penilaian ini digabungkan dengan *Hybrid Research Method* menggunakan teknik-teknik seperti *Explatory Landscape Scenario, Landscape Dynamic Assessment, Landscape Ecological Assessment, Landscape Impact Assessment, Landscape Vulnerability Index, Spatial Explicit Event Simulator dan Urban Landscape Quality Index* untuk menghasilkan penilaian yang bersepadu.

Peringkat yang seterusnya adalah untuk menggabungkan hasil-hasil daripada peringkat 1 dan 2 untuk pengesahan muktamad pelan kawasan karakter dan jenis-jenis karakter setempat yang dikenal pasti sebelum itu. Hasil gabungan ini dibentuk dalam Pelan-pelan Sintesis yang akan dijadikan rangka pembentukan Pelan Konsep Landskap.

ASAS RUJUKAN UTAMA:

- Rujukan bagi maklumat data dan informasi yang akan digunakan termasuklah dokumen-dokumen seperti berikut:

Dokumen:

- Pelan Struktur Perak 2033
- Pelan Daerah Batang Padang
- Pelan Tempatan Batang Paang, Pelan Sungai dan Saliran Daerah Batang Padang
- Informasi dan rujukan dari Jabatan Landskap Negara
- Informasi dan rujukan dari Majlis Daerah Tapah
- Projek di bawah Rancangan Malaysia ke-12
- Projek yang telah dirancang oleh Ahli Parlimen Batang Padang

4.1.3 PERINGKAT PENYEDIAAN LAPORAN KONSEP

OBJEKTIF

- Objektif kajian pada Peringkat 3 ini adalah merangka satu konsep pembangunan berdasarkan analisa dan sintesis dari Laporan Teknikal.

SKOP KERJA

Berdasarkan maklumat yang dikemukakan di dalam Peringkat 2, peringkat ini akan merangka visi, misi, matlamat dan objektif pembangunan landskap serta seterusnya Laporan Konsep dikemukakan.

Hasil kajian ini mengandungi perkara-perkara seperti berikut:

- Visi, Misi dan Objektif Pembangunan Landskap
- Konsep pembangunan landskap dan rangka Pelan Induk Landskap
- Cadangan konsep bagi lima kawasan tindakan yang dikenal pasti sebagai Pelan Tindakan Pembangunan.

4.1.5 PERINGKAT PENYEDIAAN LAPORAN PELAN INDUK LANDSKAP

OBJEKTIF

- Objektif kajian pada Peringkat 5 ini adalah untuk merumuskan hasil kajian dari Peringkat 1 hingga Peringkat 4 sebagai serahan muktamad Kajian Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Tapah.

SKOP KERJA

Skop kerja pada peringkat ini adalah membuat ringkasan eksekutif hasil dan penemuan dari Laporan Awal dan Laporan Teknikal dan penyediaan Laporan Akhir Pelan Induk Landskap.

4.1.4 PERINGKAT PENYEDIAAN LAPORAN DRAF AKHIR

OBJEKTIF


- Objektif kajian pada Peringkat 4 ini adalah untuk merangka Pelan Induk Landskap serta garis panduan reka bentuk, pengurusan serta penyelenggaraan landskap yang berdaya maju dan lestari.

SKOP KERJA


Berdasarkan hasil kajian Peringkat 3: Laporan Konsep, peringkat ini akan menyediakan Pelan Induk Landskap yang merangkumi perkara-perkara berikut:

- Cadangan Pelan Induk Landskap.
- Garis panduan reka bentuk, strategi pelaksanaan, pengurusan dan penyelenggaraan yang efektif.
- Anggaran kos pembangunan serta penyelenggaraan
- Fasa dan fokus kawasan yang bakal dibangunkan.
- Pelan Tindakan Pembangunan.
- Kaedah kawalan dan penguatkuasaan pembangunan landskap bagi Majlis Daerah Tapah.

CARTA ALIRAN KERJA (PERINGKAT 1 DAN 2)



PROSES PENETAPAN KLASIFIKASI KARAKTER LANDSKAP (LCA/LCT)



CARTA ALIRAN KERJA (PERINGKAT 3 DAN 4)

Laporan Konsep

03
2 bulan

1
Visi, Matlamat, Objektif
Pembangunan Landskap

2
Pelan Sintesis & Rangka
Pelan Konsep Landskap

3
Pelan Induk Landskap

4
Pembangunan Landskap

- Strategi Pembangunan Landskap
- Pelan Cadangan Kawasan Tindakan

Laporan Draft Akhir

04
6 bulan

a
Profil Kawasan Kajian

- b**
- Dasar & Polisi Pembangunan Landskap
 - Garis Panduan Landskap
 - Penilaian Faktor Sedia Ada
 - Penilaian Karakter Landskap

- Tema & Konsep Landskap
- Komponen Pelan Induk Landskap
- Garis Panduan Rekabentuk, Pelaksanaan, Penyelenggaraan dan Kawalan bagi Pembangunan Landskap

c
Pelan Induk Landskap

- Pelaksanaan & Strategi Fasa Pembangunan Landskap
- Pelan Fasa Pembangunan Landskap
- Anggaran Kos Pembangunan Landskap Mengikut Fasa

d
Pelan Fasa Pembangunan Landskap

CARTA ALIRAN KERJA (PERINGKAT 5)

Laporan Akhir Pelan Induk Landskap

05

3 bulan

1
Laporan Eksekutif
(Bahasa Malaysia & Inggeris)

2
Laporan Pelan Induk Landskap

3
Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Tapa

Pelan Terperinci & Lukisan

Pelan Terperinci dan Lukisan Reka Bentuk Skematik bagi Zon-Zon Pembangunan Landskap dan Kawasan Tindakan (Berskala)

4
PENYERAHAN LAPORAN AKHIR PELAN INDUK LANDSKAP MAJLIS DAERAH TAPA

- *Hard Copy & Hard Disk & Penutupan Akaun*

4.2 PASUKAN KAJIAN

Pasukan Kerja Perunding Kajian diketuai oleh Prinsipal Arkitek Landskap dari **VERITAS LANDSCAPE SDN. BHD** sebagai Pengurus Projek dan Perunding Arkitek Landskap. Pasukan kerja ini mengandungi pakar-pakar profesional yang terdiri daripada perunding Perancang Bandar, Pakar Hortikultur, Pakar Perhutanan, Pakar Hidrologi, Pakar Alam Sekitar dan Pakar Sistem Maklumat Geografi (GIS).

Kajian ini akan dipantau oleh Jabatan Landskap Negara (JLN) sebagai Penyelaras Teknikal Kajian untuk memastikan kajian mencapai objektif kajian dan selaras dengan matlamat dan Dasar Landskap Negara. Setiap peringkat kajian akan dikemukakan di mesyuarat teknikal untuk diluluskan oleh Jawatankuasa Teknikal yang terdiri dari :

1. Ketua Pengarah JLN/Yang Dipertua MDT sebagai Pengerusi Mesyuarat
2. Pegawai Teknikal / Arkitek Landskap JLN
3. Setiausaha MDT
4. Ahli ahli Majlis MDT yang dilantik
5. Pengarah Landskap MDT (jika ada)
6. Jabatan-Jabatan Teknikal yang berkaitan dengan pembangunan landskap

4.2.1 PENYELARAS PROJEK

Penyelaras kajian adalah Jabatan Landskap Negara (JLN) yang diketuai oleh pegawai-pegawai teknikal JLN yang akan memantau kajian ini untuk memastikan ianya mencapai objektif kajian.

4.2.2 PENGURUS PROJEK / PRINSIPAL ARKITEK LANDSKAP

Pengurus Projek adalah diketuai oleh Prinsipal Arkitek Landskap dari Veritas Landscape Sdn. Bhd. Tugas Pengurus Projek ini adalah menyelaras semua skop kerja kajian mengikut program dan metodologi kajian, bagi menepati objektif kajian tersebut. Beliau juga bertanggungjawab untuk memastikan penyertaan dan kehadiran semua pakar perunding pada setiap perbincangan dan mesyuarat kajian serta menghasilkan kerja-kerja mengikut skop masing-masing dengan menepati Jadual Pelaksanaan yang ditetapkan.

4.2.3 PERUNDING ARKITEK LANDSKAP

Pasukan kerja Perunding Arkitek Landskap adalah diketuai oleh Projek Arkitek Landskap untuk menyelaras hasil kerja-kerja kajian, dokumen-dokumen, pelan-pelan dan lukisan-lukisan cadangan Pelan Induk Landskap. Beliau disokong oleh pasukan yang terdiri daripada Arkitek Landskap, Pereka Landskap, Pereka Ilustrasi, dan Pelukis A-Cad.

Tugas-tugas Perunding Arkitek Landskap ini adalah untuk mengkaji dan menganalisa zon-zon landskap serta menyediakan pelan-pelan dan lukisan-lukisan cadangan Pelan Induk Landskap dan garis panduan rekabentuk, pelaksanaan, penyelenggaraan serta Kawalan Pembangunan Landskap. Perunding Arkitek Landskap juga akan menghasilkan Pelan Fasa Pembangunan Landskap dan juga anggaran kos keseluruhan pembangunan landskap yang dicadangkan untuk jangkamasa pembangunan selama sepuluh (10) tahun.

Skop kerja yang berkaitan adalah :

1. Membuat inventori, kaji selidik, pemerhatian (observation) dan analisa kawasan kajian serta mengenal pasti zon-zon landskap yang merangkumi zon guna tanah, kawasan hijau dan kawasan lapang rekreasi, kawasan yang mempunyai tarikan alam semula jadi, nilai-nilai warisan dan sejarah, koridor visual dan ruang bandar;
2. Mengetahui zon-zon, karekter dan kawasan landskap yang berpotensi dibangunkan, dinaik taraf atau dibaik pulih bagi kawasan kajian;
3. Mengetahui pasti objektif dan konsep pembangunan landskap di kawasan kajian, serta memberi cadangan-cadangan pembangunan landskap dan menyediakan pelan-pelan serta lukisan terperinci cadangan Pelan Induk Landskap dan kawasan-kawasan tindakan; dan
4. Menyediakan garis panduan reka bentuk, pelaksanaan, pengurusan dan penyelenggaraan serta kawalan pembangunan landskap.

Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Tapah 2035

4.2.4 PERANCANG BANDAR

Tugas perunding Perancang Bandar adalah mengkaji dan mengenal pasti susun atur pembangunan dan guna tanah serta memastikan cadangan pembangunan landskap adalah selaras dengan pembangunan keseluruhan serta menepati keperluan dan kesejahteraan kehidupan penduduk dengan mengambil kira kepadatan penduduk dan perancangan daerah Batang Padang.

Skop kerja yang berkaitan adalah :

1. Mengkaji dan menterjemah dasar perancangan di peringkat wilayah, negeri dan tempatan;
2. Mengenal pasti dasar dan syarat-syarat perancangan dan Pembangunan Negeri Perak dan Daerah Batang Padang sebagai panduan dan kawalan kepada cadangan pembangunan landskap di Daerah Batang Padang;
3. Mengkaji aspek demografi setempat Daerah Batang Padang;
4. Mengenal pasti keadaan fizikal kawasan kajian yang memberi implikasi kepada pembangunan;
5. Mengkaji trend pembangunan dan guna tanah meliputi guna tanah semasa, guna tanah komited dan zon guna tanah; dan
6. Menjalankan kajian reka bentuk pusat bandar yang meliputi fabrik bandar serta imej dan identiti bandar (mental mapping).

4.2.5 PAKAR ALAM SEKITAR

Tugas pakar Alam Sekitar adalah mengkaji dan mengenal pasti kawasan-kawasan yang mempunyai isu-isu berkenaan alam sekitar. Tugasnya juga adalah mencadangkan rawatan bagi kawasan-kawasan yang perlu dirawat dan diambil tindakan, serta menyediakan garis panduan sebagai kawalan bagi pembangunan landskap untuk mengekalkan alam sekitar yang mampan. Selain itu, mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi elemen landskap seperti jenis dan spesis tumbuhan serta pemuliharaan kawasan landskap.

Skop kerja yang berkaitan adalah :

1. Membuat inventori, kaji selidik, pemerhatian dan menganalisa kawasan kajian serta mengenal pasti isu-isu mengenai alam sekitar seperti pencemaran air, udara, bau dan bunyi, kawasan yang terganggu oleh hakisan, pembalakan haram, pembakaran terbuka dan pencemaran dari industri dan kawasan sensitif yang berkaitan dengan iklim sekitar;

2. Memberi cadangan remedi atau rawatan bagi kawasan-kawasan yang perlu dirawat dan perlu diambil tindakan; dan
3. Menyediakan garis panduan mengikut penilaian alam sekitar bagi pembangunan landskap di kawasan kajian.

4.2.6 PAKAR GIS

Pakar GIS berperanan mengumpul maklumat ruang yang sahih, dengan menggunakan Kaedah Pengumpulan Data dan Pengurusan Sistem Maklumat Geografi (GIS) bagi tujuan penggunaan perancangan pembangunan landskap bagi kawasan kajian. Tugas beliau juga adalah menyediakan data-data maklumat berkait rapat dengan alam semula jadi, alam bina dan infrastruktur di kawasan kajian dalam bentuk maklumat maya. Maklumat ini akan digunakan sebagai kajian bagi penyediaan cadangan pembangunan landskap bagi kawasan kajian.

Skop kerja yang berkaitan adalah :

1. Menyediakan data ruang (spatial data) seperti sempadan kawasan kajian, topografi, guna tanah, jalanraya dan infrastruktur, sungai-sungai dan badan air, petempatan dan kependudukan serta kawasan hijau dan rekreasi.

4.2.7 PAKAR HORTIKULTUR

Tugas Pakar Hortikultur adalah mengenal pasti kesesuaian pokok-pokok dan tanaman dan memberi cadangan dan garis panduan untuk pemeliharaan, pengalihan, permangkasan dan penebangan serta rawatan bagi pokok-pokok yang ada di kawasan kajian.

Skop kerja yang berkaitan adalah :

1. Membuat inventori, analisa kawasan kajian berkenaan penanaman dan jenis tanah;
2. Mengenal pasti pokok-pokok yang perlu dikekalkan, dicantas, dialih dan ditebang mengikut keadaan semasa;
3. Mencadangkan jenis-jenis pokok dan tanaman yang bersesuaian di kawasan kajian;
4. Menyediakan garis panduan kaedah penanaman pokok-pokok dan tanaman renek;
5. Menyediakan kaedah bagi membaik pulih tanaman dan rawatan penyakit pokok dan tanaman; dan
6. Menyediakan program dan kaedah penyelenggaraan.

Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Tapah 2035

4.2.8 PAKAR HIDROLOGI

Tugas Pakar Hidrologi adalah mengkaji dan menganalisa kawasan tadahan air, sungai dan saluran di kawasan kajian dan memberi cadangan dan garis panduan dan kawalan bagi rawatan yang perlu dilakukan selaras dengan pembangunan landskap di kawasan kajian.

Skop kerja yang berkaitan adalah :

1. Pengumpulan data hidraulik (kedalaman dan halaju) dan hidrologi (taburan hujan dan kadar aliran) kawasan kajian untuk mengenal pasti kesesuaian kawasan kajian bagi pembangunan landskap tertentu.
2. Menyediakan inventori kawasan tadahan, saluran sungai dan perparitan di kawasan kajian untuk mengenal pasti keadaan semasa kawasan kajian.
3. Mengenal pasti dan mengkaji isu-isu berkaitan sungai dan perparitan seperti pencemaran, enapan sedimen dan hakisan sungai.
4. Memberi cadangan berpandukan garis panduan sedia ada bagi pembangunan landskap dan aktiviti-aktiviti rekreasi yang melibatkan sungai, rizab sungai dan kawasan tadahan; dan
5. Mencadangkan garis panduan pembangunan dan kawalan bagi tujuan pemuliharaan dan pemeliharaan sungai, termasuk rawatan yang diperlukan bagi mengekalkan fungsi dan kesejahteraan sungai.

4.2.9 EDITOR

Tugas utama seorang editor adalah mengolah manuskrip hingga layak diterbitkan sesuai dengan aturan dan syarat penerbitan. Editor hanya bertanggungjawab terhadap bentuk formal penerbitan dengan pengarangnya yang bertanggungjawab penuh terhadap isi dan segala pernyataan dalam manuskrip.

Skop kerja yang berkaitan adalah:

1. Memotong menambah atau membetulkan sesebuah karya mengikut keperluan dan kesesuaian bagi menjamin karya penulis memenuhi piawai penerbit
2. Memastikan karya memperkatakan tujuan karya itu
3. Melenyapkan pertentangan fakta
4. Membetulkan kesalahan aspek, bahasa seperti ejaan, ayat, frasa, pemilihan kata, tanda baca, penggunaan huruf besar, penggunaan huruf kecil, penggunaan istilah dan sebagainya.

4.3 CARTA ORGANISASI PASUKAN KAJIAN



4.4 ANALISIS DAN KAEDAH KAJIAN

PERANCANG BANDAR

Bil	Skop Kajian	Keperluan Data		Kaedah Pengumpulan Data	Analisis	Hasil Yang Dijangka
		Jenis Data	Sumber			
1	<p>Mengkaji profil demografi (bilangan dan struktur penduduk) mengikut umur secara keseluruhan atau mengikut blok perancangan meliputi perkara-perkara berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Taburan dan kepadatan penduduk semasa mengikut blok perancangan dan petempatan utama • Trend perubahan penduduk hasil pertumbuhan semula jadi dan migrasi bagi seluruh daerah • Faktor-faktor yang akan mempengaruhi perubahan penduduk dan pekerjaan dalam jangka masa perancangan contohnya: <ul style="list-style-type: none"> i. Dasar-dasar kerajaan ii. Pembangunan komited iii. Pembangunan sekeliling • Unjuran jumlah penduduk daerah mengikut tempoh setiap 10 tahun bagi tempoh perancangan mengikut umur • Kemudahan rekreasi mengikut peringkat umur 	<p>1) Maklumat Asas Sosio-Ekonomi dan Demografi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Laporan 'My Local Stats' Negeri Perak • Bancian Penduduk dan Sosio-Ekonomi (Data MyCensus 2020 - Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020) • Laporan Akaun Satelit <p>2) Inventori Kawasan Lapang Yang Diwarta Oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) • Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) • Majlis Daerah Tapah (MDT) 	<ul style="list-style-type: none"> • Permohonan Secara Rasmi Dari Data <i>Custodian</i> (Data Sekunder) • Data <i>Mining</i> (Web dan <i>Text Mining</i>) (Data Sekunder) 	<ul style="list-style-type: none"> • Analisis Kandungan • Analisis Tematik 	<ul style="list-style-type: none"> • Profil Penduduk dan Demografi Semasa Secara Keseluruhan Atau Mengikut Blok Perancangan • Profil Penduduk dan Demografi Semasa Setiap 10 Tahun Bagi Tempoh Perancangan Mengikut Umur • Taburan Kepadatan Penduduk Bagi Keperluan Kawasan Lapang Mengikut Kawasan Atau Blok Perancangan

Bil	Skop Kajian	Keperluan Data		Kaedah Pengumpulan Data	Analisis	Hasil Yang Dijangka
		Jenis Data	Sumber			
2	<p>Menterjemahkan dasar pembangunan berkaitan dengan landskap di peringkat:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Antarabangsa • Wilayah • Negeri / Daerah 	<p>1) Blueprint Peringkat Antarabangsa (Global)</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Sustainable Development Goals</i> (SDGs) • <i>New Urban Agenda</i> (NUA) <p>2) Blueprint Peringkat Wilayah / Nasional</p> <ul style="list-style-type: none"> • Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) • Dasar Perbandaran Negara (DPN 2) • Rancangan Fizikal Negara Ke-4 (RFN-4) • Dasar Pelancongan Negara 2020-2030 • Pelan Eko-Pelancongan Kebangsaan 2016-2025 • Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030 • Dasar Alam Sekitar • Dasar Perhutanan Negara <p>3) Rancangan Pemajuan (Peringkat Negeri / Daerah)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Rancangan Struktur Negeri Perak 2040 • Rancangan Tempatan Daerah Batang Padang 2035 (Penggantian) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) ▪ PLANMalaysia @Perak ▪ Majlis Daerah Tapah (MDT) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Permohonan Secara Rasmi Dari Data <i>Custodian</i> (Data Sekunder) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Analisis Kandungan ▪ Analisis Tematik 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Penterjemahan Dasar-Dasar Pembangunan Berkaitan Dengan Landskap
3	<p>Menterjemahkan dasar pembangunan dan daerah bersempadan</p>	<p>1) Rancangan Pemajuan Bersempadan (Peringkat Negeri / Daerah)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Rancangan Struktur Negeri Pahang 2050 • Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 • Rancangan Tempatan Daerah Cameron Highlands 2030 • Rancangan Tempatan Majlis Daerah Kuala Selangor 2025 • Rancangan Tempatan Daerah Hilir Perak 2035 • Rancangan Tempatan Daerah Muallim dan Sebahagian Daerah Batang Padang 2035 • Rancangan Tempatan Bandaraya Ipoh 2035 (Penggantian) • Rancangan Tempatan Daerah Kampar 2030 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ PLANMalaysia @Perak 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Data <i>Mining</i> (Web dan <i>Text Mining</i>) (Data Sekunder) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Analisis Kandungan ▪ Analisis Tematik 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Penterjemahan Dasar / Pelan Pembangunan di Peringkat Wilayah Semasa Meliputi Koridor Pembangunan, Guna Tanah, Perhubungan Jalan Raya dan Hierarki Petempatan
4	<p>Mengkaji dan menganalisis kawasan koridor pembangunan dan pemeliharaan meliputi:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Koridor pembangunan perindustrian • Zon pemeliharaan sumber negeri termasuk hutan simpan, kawasan tadahan air, sumber mineral semulajadi dan warisan sejarah • Projek-projek usahasama sempadan • Kesenambungan rangkaian pengangkutan antara daerah 	<p>(Same as above)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ PLANMalaysia @Perak 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Permohonan Secara Rasmi Dari Data <i>Custodian</i> (Data Sekunder) ▪ Data <i>Mining</i> (Web dan <i>Text Mining</i>) (Data Sekunder) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Analisis Kandungan ▪ Analisis Tematik ▪ Analisis <i>Desktop</i> 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Cadangan Koridor Pembangunan ▪ Cadangan Zon Pemeliharaan Sumber Wilayah ▪ Cadangan Projek Usahasama Sempadan ▪ Cadangan Rangkaian Pengangkutan Darat Wilayah

Bil	Skop Kajian	Keperluan Data		Kaedah Pengumpulan Data	Analisis	Hasil Yang Dijangka
		Jenis Data	Sumber			
5	<p>Mengkaji keadaan fizikal kawasan kajian meliputi:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Topografi • Geologi • Tanah-Tanah • Hidrologi • Biodiversiti • Kawasan Pemandangan Menarik 	<p>1) Data Lapisan <i>Geographical Information System</i> (GIS)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kontur Sela 5 Meter • Geologi (<i>Surficial Geology</i>) • Jenis Tanah-Tanah • Rangkaian Sungai • Inventori Biodiversiti <p>2) Vista Pemandangan Menarik</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pusat Bandar dan Penempatan Utama • Kawasan Semulajadi 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ PLANMalaysia (Bahagian Maklumat Tanah Negara - BMGN) : Plan ▪ Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia Perak ▪ Jabatan Pertanian Daerah Batang Padang ▪ Pejabat Perhilitan Daerah Tapah 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Permohonan Secara Rasmi Dari Data <i>Custodian</i> (Data Sekunder) ▪ Data <i>Mining</i> (Web dan <i>Text Mining</i>) (Data Sekunder) ▪ Lawatan Tapak (Data Primer) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Analisis <i>Digital Elevation Model</i> (DEM) : <i>Interpolation Triangulated Irregular Network</i> (TIN) ▪ Analisis Spatial GIS (<i>SQL Query, Buffering dan Overlay</i>) ▪ Analisis Diskriptif Non-Inferensi (Min dan Peratusan) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Cadangan Ketinggian Tanah ▪ Cadangan Kecerunan Tanah ▪ Cadangan Klasifikasi Geologi Tanah ▪ Cadangan Kelas Kesesuaian Tanah Pertanian ▪ Cadangan Hidrologi ▪ Cadangan Tahap Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) ▪ Cadangan Karakter Visual Landskap
6	<p>Mengkaji guna tanah semasa kawasan kajian mengikut kategori guna tanah meliputi:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Keluasan • Taburan • Kategori • Agihan • Corak • Unjuran 	<p>1) Data Lapisan <i>Geographical Information System</i> (GIS)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Guna Tanah Semasa 2023 • Data <i>National Digital Cadastral Database</i> (NDCDB) - Lot Kadaster Berdigit • Sempadan Bandar, Pekan dan Kampung • Sempadan Geopolitik (Pihak Berkuasa Tempatan, Dewan Undangan Negeri, Mukim, Daerah dan Negeri) • Sempadan Blok Perancangan • Sempadan Kawasan Operasi dan Kawalan Pihak Berkuasa Tempatan <p>2) Manual Sistem Maklumat Geografi (GIS) Rancangan Pemajuan Versi 2.0</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ PLANMalaysia (Bahagian Maklumat Tanah Negara - BMGN) : Plan ▪ PLANMalaysia @Perak ▪ Jabatan Ukur dan Pemetaan Perak (JUPEM) ▪ Majlis Daerah Tapah (MDT) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Permohonan Secara Rasmi Dari Data <i>Custodian</i> (Data Sekunder) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Analisis Spatial GIS (<i>SQL Query, Buffering dan Overlay</i>) ▪ Analisis Diskriptif Non-Inferensi (Min dan Peratusan) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Cadangan Taburan Guna Tanah Semasa ▪ Penjadualan Komposisi Guna Tanah Semasa ▪ Pecahan Guna Tanah Semasa Blok Perancangan ▪ Cadangan Taburan Tanaman ▪ Cadangan Taburan Kawasan Lapang dan Rekreasi ▪ Cadangan Hotspot Pelancongan ▪ Cadangan Rangkaian Jalan Raya ▪ Garis Panduan Keperluan Landskap Mengikut Kategori Guna Tanah
7	<p>Mengenal pasti pemilikan tanah dan pembangunan komited kawasan kajian</p>	<p>1) Status dan Maklumat Pemilikan Tanah</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jenis Pemilikan: Tanah Persendirian dan Tanah Kerajaan • Jenis Pemilikan: Hakmilik Pentadbir Tanah dan Hakmilik Pendaftar Negeri <p>2) Senarai Pembangunan Komited</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pejabat Daerah dan Tanah Batang Padang ▪ PLANMalaysia @Perak ▪ Majlis Daerah Tapah (MDT) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Permohonan Secara Rasmi Dari Data <i>Custodian</i> (Data Sekunder) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Analisis Spatial GIS (<i>SQL Query, Overlay dan Geocoding</i>) ▪ Analisis Diskriptif Non-Inferensi (Min dan Peratusan) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Cadangan Pemilikan Tanah ▪ Cadangan Taburan Pembangunan Komited ▪ Penjadualan Komposisi Pemilikan Tanah dan Pembangunan Komited

Bil	Skop Kajian	Keperluan Data		Kaedah Pengumpulan Data	Analisis	Hasil Yang Dijangka
		Jenis Data	Sumber			
8	<ul style="list-style-type: none"> Mengkaji trend pembangunan pusat-pusat petempatan / pertumbuhan semasa dan akan datang Mengkaji pertumbuhan dan pembangunan bagi pusat petempatan / bandar dan pekan kecil luar bandar / kampung 	<p>1) Data Lapisan <i>Geographical Information System (GIS)</i></p> <ul style="list-style-type: none"> Cuna Tanah Semasa 2023 Pembangunan Komited Data <i>National Digital Cadastral Database (NDCDB)</i> – Lot Kadaster Berdigit <p>2) Dasar pembangunan daerah bersempadan</p> <p>3) Kawasan koridor Pembangunan:</p> <ul style="list-style-type: none"> Koridor Pembangunan Perindustrian Zon Pemeliharaan Sumber Negeri termasuk hutan simpan, kawasan tadahan air, sumber mineral semulajadi, dan warisan sejarah. Projek-projek usahasama sempadan. Kesinambungan rangkaian pengangkutan antara daerah 	<ul style="list-style-type: none"> PLANMalaysia (Bahagian Maklumat Tanah Negara – BMGN): i-Plan Jabatan Ukur dan Pemetaan Perak (JUPEM) PLANMalaysia @Perak Majlis Daerah Tapah (MDT) 	<ul style="list-style-type: none"> Lawatan Tapak (Data Primer) Permohonan Secara Rasmi Dari Data <i>Custodian (Data Sekunder)</i> 	<ul style="list-style-type: none"> Analisis Spatial GIS (<i>SQL Query, Buffering dan Overlay</i>) 	<ul style="list-style-type: none"> Cadangan Aspek Pemuliharaan dan Pemeliharaan di Pusat Petempatan Cadangan Pembangunan Semula Bandar Atau Pekan Kecil Cadangan Pembangunan wilayah semasa yang mengandungi Koridor Pembangunan, guna tanah, hubungan jalan raya, hirarki penempatan dan perhubungan.
9	Mengkaji kawasan yang dikenal pasti sebagai 'nodes', 'path', 'landmark', 'district' dan 'edges'				<ul style="list-style-type: none"> Analisis <i>Cognitive Mental Mapping</i> 	<ul style="list-style-type: none"> Pemetaan Imej Bandar : <i>Cognitive Mental Mapping</i>
10	<ul style="list-style-type: none"> Mengkaji kawasan yang dikenal pasti sebagai ruang awam (<i>public spaces</i>) di dalam bandar Mengkaji keperluan untuk mewujudkan ruang-ruang awam (<i>public spaces</i>) yang berkualiti di kawasan yang dibangunkan semula 	<p>1) Inventori <i>Pocket Park / Third Places</i> Pusat Bandar Utama</p> <p>2) Inventori Kawasan Lapang Yang Diwartakan Oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT):</p> <ul style="list-style-type: none"> Keadaan semasa. Projek-projek yang ditetapkan. Senarai kawasan rekreasi yang telah / belum diwartakan. Keadaan landskap semasa (mengikut guna tanah) Projek-projek yang ditetapkan dan dirancang. Jenis landskap kejur dan lembut. Landskap jaringan kehijauan <p>3) Data Lapisan <i>Geographical Information System (GIS)</i></p> <ul style="list-style-type: none"> Data <i>National Digital Cadastral Database (NDCDB)</i> – Lot Kadaster Berdigit Sempadan Bandar, Pekan dan Kampung <p>4) Garis Panduan Perancangan (GPP) dan Piawaian Perancangan (PP) Negeri Perak</p>	<ul style="list-style-type: none"> PLANMalaysia (Bahagian Maklumat Tanah Negara – BMGN): i-Plan Jabatan Ukur dan Pemetaan Perak (JUPEM) PLANMalaysia @Perak Majlis Daerah Tapah (MDT) 	<ul style="list-style-type: none"> Lawatan Tapak (Data Primer) Permohonan Secara Rasmi Dari Data <i>Custodian (Data Sekunder)</i> 	<ul style="list-style-type: none"> Analisis Spatial GIS (<i>SQL Query, Buffering dan Overlay</i>) Analisis Tadahan (<i>Catchment</i>) Analisis <i>Ped Shed</i> Analisis Jurang Analisis keseluruhan perlu merangkumi: <ul style="list-style-type: none"> Hierarki Bilangan Lokasi Keluasan Taburan kawasan lapang dan rekreasi Permintaan berbanding penawaran Kesesuaian perletakan Unjuran keperluan rekreasi Kesesuaian landskap mengikut fungsi 	<ul style="list-style-type: none"> Cadangan Reka Bentuk Pusat Petempatan Utama Termasuk Cadangan Kawasan Jaringan Hijau dan Cadangan Taman-Taman Poket Cadangan Pembangunan Semula Bandar Termasuk Ruang Landskap dan Ruang-Ruang Awam (<i>Public Spaces</i>) Cadangan peningkatan landskap kawasan bandar/pekan Cadangan kawasan untuk pemeliharaan pokok di bawah 'Tree Preservation Order'. Cadangan garis panduan kawasan rekreasi dan kawasan lapang

Bil	Skop Kajian	Keperluan Data		Kaedah Pengumpulan Data	Analisis	Hasil Yang Dijangka
		Jenis Data	Sumber			
11	Mengkaji kualiti pandangan jauh elemen reka bentuk dan identiti bandar, sistem sirkulasi dan ciri-ciri bangunan	<p>1) Data Lapisan <i>Geographical Information System (GIS)</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Footprint</i> (Tapak Kaki Bangunan) • Rangkaian Jalan Perbandaran <p>2) Rancangan Pemajuan (Peringkat Negeri / Daerah)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Rancangan Struktur Negeri Perak 2040 • Rancangan Tempatan Daerah Batang Padang 2035 (Penggantian) <p>3) Inventori Aset Warisan Sejarah (Warisan Ketara dan Tidak Ketara): <i>Tangible and Intangible Heritage</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ PLANMalaysia (Bahagian Maklumat Tanah Negara – BMGN): i-Plan ▪ PLANMalaysia @Perak ▪ Jabatan Warisan Negara Zon Tengah ▪ Majlis Daerah Tapah (MDT) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Lawatan Tapak (Data Primer) ▪ Permohonan Secara Rasmi Dari Data <i>Custodian</i> (Data Sekunder) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>Townscape Appraisal</i> ▪ Analisis <i>Solid & Void</i> 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Cadangan Pembangunan Pusat Petempatan Utama Dari Segi Kualiti Pandangan Jauh, Elemen Reka Bentuk dan Identiti Bandar, Sistem Sirkulasi dan Ciri-Ciri Bangunan ▪ <i>Figure-Ground Diagram</i>

HIDROLOGI

Bil	Skop Kajian	Keperluan Data		Kaedah Pengumpulan Data	Analisis	Hasil Yang Dijangka
		Jenis Data	Sumber			
1	Mengenal pasti kesesuaian kawasan kajian bagi pembangunan landskap tertentu	1) Pengumpulan data hidraulik <ul style="list-style-type: none"> • Kedalaman sungai • Halaju Sungai 2) Pengumpulan data hidrologi <ul style="list-style-type: none"> • Rangkaian Sungai • Taburan hujan • Kadar alir sungai 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Jabatan Pengairan dan Saliran Kinta/ Batang Padang (Tapah) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Permohonan Secara Rasmi Dari Data <i>Custodian</i> (Data Sekunder) ▪ Data <i>Mining</i> (<i>Web</i> dan <i>Text Mining</i>)(Data Sekunder) ▪ Lawatan Tapak (Data Primer) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Analisis Diskriptif Non-Inferensi (Min dan Peratusan) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Memastikan reka bentuk landskap mengambil kira pengurusan air ribut (<i>stormwater</i>) yang mampan. ▪ Contoh pengurusan air rebut mampan: Perancangan sistem pengumpulan air hujan, penggunaan sistem saliran lestari dan perlindungan saluran air semula jadi. ▪ Cadangan aktiviti-aktiviti rekreasi melibatkan sungai, rizab sungai dan kawasan tadahan. ▪ Analisis data hujan untuk mengenalpasti corak jangka panjang dan jangka pendek.
2	Membuat inventori untuk kenalpasti keadaan semasa Kawasan kajian	1) Inventori kawasan kajian <ul style="list-style-type: none"> • Kawasan tadahan • Saliran sungai • Perparitan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Jabatan Pengairan dan Saliran Kinta/ Batang Padang (Tapah) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Permohonan Secara Rasmi Dari Data <i>Custodian</i> (Data Sekunder) ▪ Lawatan Tapak (Data Primer) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Analisis Diskriptif Non-Inferensi (Min dan Peratusan) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menganalisis kapasiti saliran dan perparitan serta potensi banjir ke atas kawasan kajian. ▪ Menentukan dan mengekalkan kawasan-kawasan yang penting sebagai kawasan pengurusan air ribut.

ALAM SEKITAR

Bil	Skop Kajian	Keperluan Data		Kaedah Pengumpulan Data	Analisis	Hasil Yang Dijangka
		Jenis Data	Sumber			
1	Mengenal pasti kesesuaian kawasan kajian bagi pembangunan landskap tertentu	<p>1) Pengumpulan data</p> <ul style="list-style-type: none"> Kualiti air Kualiti udara & bau Kualiti bunyi Kawasan kerosakan pemandangan <p>2) Pengumpulan data</p> <ul style="list-style-type: none"> Cuaca & Iklim setempat Kawasan hutan semulajadi <p>3) Kawasan Pemuliharaan Landskap (KPL): KPL berisiko bencana:</p> <ul style="list-style-type: none"> Tanah tinggi dan bercerun curam. Kawasan bekas lombong. Kawasan hakisan tanah. <p>4) KPL yang berkepentingan sebagai sistem sokongan hidup</p> <ul style="list-style-type: none"> Kawasan tadahan air Kawasan sungai dan air bawah tanah Kawasan hutan 	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Pengairan dan Saliran Kinta/ Batang Padang (Tapah) Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak Jabatan Meterologi Negeri Perak 	<ul style="list-style-type: none"> Permohonan Secara Rasmi Dari Data <i>Custodian</i> (Data Sekunder) Data <i>Mining</i> (<i>Web</i> dan <i>Text Mining</i>)(Data Sekunder) Lawatan Tapak (Data Primer) / Temuramah (Data Primer) 	<ul style="list-style-type: none"> Analisis Diskriptif Non-Inferensi (Min dan Peratusan) 	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan reka bentuk landskap mengambil kira pengurusan alam sekitar semulajadi yang lebih mampan. Contoh pengurusan tapak pembuangan sampah yang mampan : Perancangan sistem pengumpulan data kualiti udara dan air, penggunaan sistem penyebaran maklumat yang lestari dan perancangan kempen-kempen cintailah sungai kita bersama masyarakat yang mandani. Cadangan pelan dan tindakan KPL yang memerlukan pengekalan, pemeliharaan dan pemuliharaan. Analisis data kualiti udara, air serta cuaca untuk mengenalpasti corak jangka panjang dan jangka pendek.
2	Membuat inventori untuk kenalpasti keadaan semasa kawasan kajian	<p>1) Inventori Kawasan kajian</p> <ul style="list-style-type: none"> Kawasan penternakan, perladangan, perikanan dan perlombongan serta kuari. Tapak pembuangan sampah. 	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Pengairan dan Saliran Kinta/ Batang Padang (Tapah) Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak 	<ul style="list-style-type: none"> Permohonan Secara Rasmi Dari Data <i>Custodian</i> (Data Sekunder) Lawatan Tapak (Data Primer) / Temu ramah (Data Primer) 	<ul style="list-style-type: none"> Analisis Diskriptif Non-Inferensi (Min dan Peratusan) 	<ul style="list-style-type: none"> Menganalisis kapasiti sektor penternakan, perladangan, perikanan dan perlombongan serta kuari serta tapak pelupusan sampah ke atas kawasan kajian. Menentukan dan mengekalkan kawasan-kawasan yang penting sebagai kawasan pengurusan sumber kualiti air, udara, bunyi dan bau.

Bil	Skop Kajian	Keperluan Data		Kaedah Pengumpulan Data	Analisis	Hasil Yang Dijangka
		Jenis Data	Sumber			
3	Mengenal pasti permasalahan semasa alam sekitar di Kawasan kajian	<p>1) Maklumat sungai Kawasan kajian: menilai kesan aliran sungai ke atas infrastruktur seperti tebing, dan jambatan.</p> <p>2) Kekerapan banjir: menilai faktor dan kesan banjir terhadap kawasan terlibat</p> <p>3) Sampel air sungai atau sumber lain: menilai kualiti air serta kepekatan bahan cemar.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Jabatan Pengairan dan Saliran Kinta/ BatangPadang (Tapah) ▪ Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak ▪ Jabatan Meterologi Negeri Perak 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Permohonan Secara Rasmi Dari Data <i>Custodian</i> (Data Sekunder) ▪ Data <i>Mining</i> (<i>Web</i> dan <i>Text Mining</i>) (Data Sekunder) ▪ Lawatan Tapak dan Cerapan Data jika perlu (Data Primer) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Analisis Diskriptif Non-Inferensi (Min dan Peratusan) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Mengenalpasti keadaan alam sekitar semulajadi di dalam kawasan kajian. ▪ Cadangan awal untuk tindakan-tindakan membaiki keadaan alam sekitar di kawasan bermasalah supaya mencapai tahap kualiti alam sekitar yang disasarkan. ▪ Mengetengahkan isu sedia ada seperti pencemaran <i>point source</i> & <i>non-point source</i> yang menjejaskan kualiti air sungai, udara, sisa pepejal dan bunyi.
4	Cadangan garis panduan pembangunan dan kawalan bagi tujuan pemuliharaan dan pemeliharaan	<p>1) Maklumat sungai Kawasan kajian: menilai kesan aliran sungai ke atas infrastruktur seperti tebing, dan jambatan.</p> <p>2) Kekerapan banjir: menilai faktor dan kesan banjir terhadap kawasan terlibat</p> <p>3) Sampel air sungai atau sumber lain: menilai kualiti air serta kepekatan bahan cemar.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Jabatan Pengairan dan Saliran Kinta/ BatangPadang (Tapah) ▪ Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak ▪ Jabatan Meterologi Negeri Perak 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Permohonan Secara Rasmi Dari Data <i>Custodian</i> (Data Sekunder) ▪ Data <i>Mining</i> (<i>Web</i> dan <i>Text Mining</i>) (Data Sekunder) ▪ Lawatan Tapak dan Cerapan Data jika perlu (Data Primer) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Analisis Diskriptif Non-Inferensi (Min dan Peratusan) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Mencadangkan kaedah pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar di dalam daerah Batang Padang.

GIS (GEOGRAPHIC INFORMATION SYSTEM)

Bil	Skop Kajian	Keperluan Data		Kaedah Pengumpulan Data	Analisis	Hasil Yang Dijangka
		Jenis Data	Sumber			
1	<ul style="list-style-type: none"> Mengenalpasti sumber data primer yang bersesuaian untuk kegunaan analisa spatial PIL Majlis Daerah Tapah. 	<p>1) Perolehan Imej Satelit (MODIS, Landsat, SPOT)</p>	<ul style="list-style-type: none"> PLANMalaysia Agensi Angkasa Malaysia (MySA) Laman Web Agensi Luar (<i>Open Access Data</i>) 	<ul style="list-style-type: none"> Perolehan data dari agensi berkaitan (Data Primer) Permohonan Secara Rasmi Dari Data <i>Custodian</i> (Data Sekunder) 	<ul style="list-style-type: none"> Kaedah analisis secara selia atau tanpa selia (<i>manual classification or automated</i>) Penukaran bentuk data raster kepada vektor (<i>Data conversion</i>) 	<ul style="list-style-type: none"> Klasifikasi litupan bumi, badan air dan tepu bina
2	<ul style="list-style-type: none"> Mengenalpasti sumber data sekunder yang bersesuaian bagi kegunaan analisa spatial PIL Majlis Daerah Tapah. Menghasilkan Pengkalan Data GIS untuk maklumat spatial bagi PIL Majlis Daerah Tapah 	<p>1) Data Lapisan Geographical Information System (GIS) sedia ada. Contoh:-</p> <ul style="list-style-type: none"> Sempadan kajian Topografi Geologi Tanah-Tanah Hidrologi Biodiversiti Cerun 	<ul style="list-style-type: none"> PLANMalaysia (i-Plan) Jabatan Ukur dan Pemetaan Perak (JUPEM) PLANMalaysia @Perak Majlis Daerah Tapah (MDT) Jabatan Parit dan Saliran Jabatan Mineral dan Geosains Perak 	<ul style="list-style-type: none"> PLANMalaysia (i-Plan) Jabatan Ukur dan Pemetaan Perak (JUPEM) PLANMalaysia @Perak Majlis Daerah Tapah (MDT) Jabatan Parit dan Saliran Jabatan Mineral dan Geosains Perak 	<ul style="list-style-type: none"> Analisis Spatial GIS (<i>SQL Query, Buffering dan Overlay</i>) Analisis Tadahan (<i>Catchment</i>) Analisis Jurang Weighted Overlay AHP (Analytical Hierarchical Process) 	<ul style="list-style-type: none"> Cadangan pelan yang telah dikemaskini bagi data GIS sedia ada. Contoh:- Sempadan kajian Topografi Geologi Tanah-Tanah Hidrologi Biodiversiti Cerun Cadangan pelan GIS bagi kajian-kajian berkaitan dengan PIL Majlis Daerah Tapah.

HORTIKULTUR

Bil	Skop Kajian	Keperluan Data		Kaedah Pengumpulan Data	Analisis	Hasil Yang Dijangka
		Jenis Data	Sumber			
1	<ul style="list-style-type: none"> Mengkaji dan mengenal pasti aspek hortikultur dalam pembangunan landskap daerah 	<ol style="list-style-type: none"> Hortikultur dan keperluan landskap mengikut blok perancangan bandar atau pekan: <ul style="list-style-type: none"> Keadaan semasa Senarai pokok-pokok Kawasan-kawasan yang tertakluk kepada 'Tree Preservation Order' Memelihara dan menanam pokok. Kajian pokok asal (native) yang mempunyai nilai-nilai sejarah dan warisan. Pengurusan dan penyelenggaraan landskap. Pengurusan tapak warisan. 	<ul style="list-style-type: none"> PLANMalaysia Agensi Angkasa Malaysia (MySA) Laman Web Agensi Luar (Open Access Data) 	<ul style="list-style-type: none"> Perolehan data dari agensi berkaitan (Data Primer) Permohonan Secara Rasmi Dari Data <i>Custodian</i> (Data Sekunder) 	<ul style="list-style-type: none"> Hirarki dan jenis pokok-pokok utama: <ul style="list-style-type: none"> Pokok palma Tumbuhan renek Tanaman penutup bumi Rumput Spesis dominan Bilangan dan taburan pokok Lokasi Kesesuaian penanaman mengikut fungsi dan keperluan Keperluan pengurusan dan penyelenggaraan Keperluan tapak semaian Analisis keseluruhan perlu merangkumi: Isu dan masalah, potensi dan halangan 	<ul style="list-style-type: none"> Cadangan taburan pokok sedia ada Cadangan pemeliharaan dan pengekalan pokok Cadangan pokok warisan dan bernilai sejarah Cadangan landskap lembut mengikut blok perancangan atau keseluruhan Cadangan kawasan untuk pemeliharaan pokok di bawah 'Tree Preservation Order' Cadangan garis panduan penanaman Cadangan bagi pengurusan dan penyelenggaraan landskap dan tapak semaian Imej bagi spesis dominan semasa

DASAR & POLISI PEMBANGUNAN 05



5.0 DASAR DAN POLISI PEMBANGUNAN

Dasar-dasar berkaitan dengan pembangunan landskap Batang Padang telah dikenal pasti dengan merujuk kepada Pelan Struktur sedia ada dan potensi-potensi sedia ada yang terdapat di Daerah Batang Padang dari segi ekonomi, kesejahteraan penduduk dan tarikan pelancong.

5.1 DASAR ANTARABANGSA

5.1.1 SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOAL (SDG): MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI



Sustainable Development Goals (SDG) adalah Agenda 2030 untuk Pembangunan Lestari yang diterima pakai oleh semua negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 2015. Ia menyediakan 17 matlamat global yang dirancang untuk menjadi rangka tindakan bersama untuk perdamaian dan kemakmuran bagi manusia dan planet bagi mencapai masa depan yang lebih baik.

MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI YANG TERLIBAT:

	<p>Memastikan kehidupan yang sihat dan meningkatkan kesejahteraan untuk semua peringkat umur</p>
	<p>Menjadikan bandar dan penempatan manusia inklusif, selamat, berdaya tahan dan Lestari</p>
	<p>Memastikan corak penggunaan dan pengeluaran yang berterusan</p>
	<p>Mengambil tindakan segera untuk memerangi perubahan iklim dan kesannya</p>
	<p>Melindungi, memulihkan dan mempromosikan penggunaan ekosistem daratan dan pengurusan hutan secara lestari, memerangi penggurunan, menghentikan dan membalikkan kemerosotan tanah serta menghentikan kehilangan biodiversiti</p>
	<p>Memperkuatkan kaedah pelaksanaan dan menghidupkan semula perkongsian global untuk pembangunan lestari</p>

5.1.2 NEW URBAN AGENDA (UNA)

Agenda Perbandaran Baharu diterima pakai pada 20 Oktober 2016 di persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berkaitan dengan Perumahan dan Pembangunan Bandar Lestari (Habitat III) di Quito, Ecuador. Ia merupakan wawasan bersama untuk masa depan yang lebih baik dan lestari.

Perbandaran yang terancang dan dikendalikan dengan baik adalah kunci untuk mencapai pembangunan negara yang lestari. Agenda Perbandaran Baharu membentangkan piawaian dan prinsip untuk perancangan, pembinaan, pembangunan, pengurusan dan peningkatan kawasan bandar. Komitmen transformatif untuk pembangunan bandar mampan adalah seperti berikut:


Pembangunan bandar mampan untuk rangkuman sosial dan membasmi kemiskinan

Kemakmuran bandar dan peluang mampan dan inklusif untuk semua

Pembangunan bandar dan alam sekitar yang mampan dan berdaya tahan

Membina struktur tadbir urus bandar dengan mewujudkan rangka kerja sokongan


Perancangan dan pengurusan pembangunan ruang bandar



5.2 DASAR NASIONAL

5.2.1 DASAR LANDSKAP NEGARA

Dasar Landskap Negara merupakan sebuah dasar pembangunan untuk mewujudkan landskap yang menyeluruh, berkualiti, beridentiti dan mampan bagi merealisasikan Wawasan Negara Taman Terindah yang menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup dan daya saing ekonomi negara.



VISI

Menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah


PENYATAAN DASAR

Mewujudkan landskap yang berfungsi dan mampan berasaskan alam semula jadi Malaysia dalam merealisasikan Wawasan Negara Taman Terindah

MISI

Mewujudkan pembangunan landskap yang menyeluruh, berkualiti, beridentiti dan mampan dengan mengambil kira keseimbangan persekitaran fizikal, sosial dan ekonomi melalui sistem pelaksanaan dan pengurusan yang efisien

5.2.2 DASAR PERBANDARAN NEGARA




Dasar Perbandaran Negara merupakan dasar yang memandu dan menyelaras perancangan dan pembangunan perbandaran negara supaya lebih efisien dan sistematik khususnya bagi mengurus peningkatan jumlah penduduk bandar pada tahun 2020 dengan penekanan terhadap keseimbangan pembangunan sosial, ekonomi dan fizikal di dalam bandar. Dasar Perbandaran Negara akan dijadikan teras utama dalam semua aktiviti perancangan dan pembangunan bandar di Semenanjung Malaysia termasuk penyediaan rancangan-rancangan pemajuan di peringkat negeri dan tempatan.

OBJEKTIF:

- Membangunkan bandar yang terancang, berkualiti, progresif dan mampan.
- Membangun dan memperkukuhkan ekonomi bandar yang berdaya saing.
- Mewujudkan persekitaran kondusif bagi menggalakkan pembangunan sosial.
- Membasmi kemiskinan bandar.
- Memperkukuhkan sistem perancangan, pelaksanaan dan pemantauan.
- Memantapkan institusi pentadbiran dan pengurusan bandar.

5.2.3 DASAR TEKNOLOGI HIJAU NEGARA



Pelan Induk Teknologi Hijau memperuntukkan pertumbuhan hijau sebagai salah satu daripada enam (6) tonggak pengubah pertumbuhan negara. Ia menghasilkan kerangka kerja yang memudahkan pengarusutamaan teknologi hijau ke dalam perkembangan yang dirancang di Malaysia sambil merangkumi empat tonggak yang ditetapkan dalam Dasar Teknologi Hijau Nasional iaitu tenaga, persekitaran, ekonomi, dan sosial. Pelan Induk Teknologi Hijau Edisi Pertama ini memberi tumpuan kepada enam sektor utama iaitu tenaga, pembuatan, pengangkutan, bangunan, sisa dan air. Ia juga memberi tumpuan terhadap usaha untuk menyelaraskan arah dasar setiap sektor ke arah tujuan bersama penggunaan sumber asli secara lestari.

STRATEGI:

- Memperkukuhkan kerangka institusi.
- Menyediakan persekitaran kondusif untuk pembangunan teknologi hijau.
- Mempergiatkan pembangunan modal insan dalam teknologi hijau.
- Memperhebatkan penyelidikan dan inovasi teknologi hijau.
- Promosi dan kesedaran masyarakat.

5.2.4 DASAR PERHUTANAN NEGARA




Dasar Perhutanan Negara menggariskan kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan hutan melalui program pembangunan hutan secara teratur dengan amalan sivil kultur yang bersesuaian bagi mencapai produktiviti yang maksimum dari hutan simpan kekal.

OBJEKTIF:

- Memastikan kawasan hutan yang mencukupi diuruskan melalui tadbir urus yang baik untuk konservasi kepelbagaian biologi dan perkhidmatan ekosistem.
- Memelihara, memulih dan mengurus kawasan hutan simpanan kekal atau hutan simpan atau hutan kekal berdasarkan prinsip-prinsip pengurusan hutan secara berkekalan.
- Menjamin sumber bahan mentah yang berterusan dari kawasan hutan asli dan hutan ladang bagi kelangsungan pembangunan industri berasaskan kayu dan bukan kayu.
- Menggalakkan penyertaan masyarakat orang asli, orang asal dan tempatan dalam pemeliharaan, pemuliharaan dan perlindungan hutan.
- Memperkasakan pembangunan kapasiti; penyelidikan, dan pembangunan dan pengkomersialan; dan inovasi termasuk menyediakan sumber manusia dan kewangan yang mencukupi bagi menambah baik pengurusan hutan dan penggunaan sumber hutan.

5.2.5 DASAR ALAM SEKITAR



Dasar Alam Sekitar bertujuan untuk mencapai alam sekitar yang bersih, selamat, sihat dan produktif bagi generasi kini dan akan datang. Ia juga digubal bagi mencapai matlamat pembangunan lestari dengan cara yang paling optimum dan berkesan. Ia merujuk kepada pengawalan alam sekitar, pemuliharaan ketahanan dan kepelbagaian bio. Dasar Alam Sekitar Negara bertujuan mengintegrasikan pertimbangan alam sekitar ke dalam aktiviti pembangunan dan proses membuat keputusan yang berkaitan, memupuk pertumbuhan ekonomi serta kemajuan manusia jangka panjang dan untuk melindungi dan memperbaiki alam sekitar. Ia melengkapi dan menambah dimensi alam sekitar yang terkandung dalam dasar kebangsaan yang lain, seperti dasar perhutanan dan perindustrian, dan juga mengambil perhatian akan konvensyen antarabangsa mengenai kepentingan sejagat.

STRATEGI:

- Pendidikan dan Kesedaran.
- Pengurusan berkesan sumber asli dan alam sekitar.
- Perancangan bersepadu pembangunan dan pelaksanaan yang bersepadu.
- Pencegahan dan kawalan pencemaran dan kemerosotan alam sekitar.
- Pengukuhan mekanisme pentadbiran dan keinstitusian.
- Pendekatan proaktif terhadap isu alam sekitar serantau dan sejagat.
- Pembentukan dan pelaksanaan Pelan-Pelan Tindakan

5.2.6 DASAR PEMBANGUNAN LUAR BANDAR




Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB) telah merumuskan wawasan “Luar Bandar Yang Sejahtera, Inklusif, Mampan dan Holistik” sebagai agenda utama dalam proses Pembangunan luar bandar di Malaysia menjelang tahun 2030. Wawasan luar bandar sejahtera menggambarkan hasrat kerajaan untuk memastikan masyarakat luar bandar mempunyai akses kepada infrastruktur dan kemudahan sosial yang setanding dengan kawasan bandar. Kawasan luar bandar disasarkan akan menawarkan peluang pekerjaan dan perniagaan yang dapat meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar.

WAWASAN DPLB DALAM TERAS-TERAS YANG BERKAITAN :

- Modal Insan Berkualiti.
- Prasarana Lengkap Dan Canggih.
- Keunggulan Generasi Belia Luar Bandar.
- Kehidupan Luar Bandar Yang Sejahtera.
- Biodiversiti Dan Alam Sekitar Mampan.
- Perumahan, Pembangunan Wilayah Dan Penempatan Desa Bersepadu.

5.2.7 DASAR PELANCONGAN NEGARA




Dasar ini mampu menjamin kelangsungan industri pelancongan negara dan menjadikan Malaysia muncul kembali sebagai pusat destinasi pelancongan di peringkat global. Ini dapat dicapai melalui pendekatan utama merangkumi Pemulihan Industri Pelancongan Secara Efektif Berteraskan Norma Baharu, Pengukuhan Daya Saing, Pembangunan sektor pelancongan secara lestari dan inklusif, serta kesediaan mengharungi bencana pada masa akan datang.

TERAS STRATEGIK UTAMA:

- Transformasi tadbir urus.
- Mewujudkan zon pelaburan bagi projek pelancongan yang inklusif.
- Mempergiatkan digitalisasi pelancongan.
- Memperkayakan pengalaman dan kepuasan pelancong.
- Memperkukuhkan komitmen terhadap pelancongan lestari.
- Meningkatkan kapasiti modal insan dalam sub-sektor pelancongan.

5.2.8 DASAR KOMUNITI NEGARA



Dasar Komuniti Negara yang bermatlamat untuk mendaya upaya komuniti di kawasan perumahan khususnya di kawasan perumahan berstrata supaya terlibat secara aktif dalam usaha penyenggaraan dan pengurusan harta awam dan harta bersama. Dasar ini juga memberi fokus untuk membangunkan komuniti secara inklusif demi mencapai kesejahteraan hidup.

OBJEKTIF:

- Mendaya upaya anggota komuniti supaya mempunyai rasa kepunyaan, prihatin terhadap harta benda, ruang dan fasiliti yang dikongsi bersama serta rasa tanggungjawab terhadap komuniti dan kawasan tempat tinggal.
- Membentuk komuniti yang peka terhadap isu-isu komuniti, saling menghormati, menyayangi dan bekerjasama antara jiran tetangga.
- Memupuk kerjasama strategik antara komuniti dengan sektor awam, sektor swasta dan NGO dalam membangunkan komuniti.
- Melahirkan lebih ramai pemimpin dan sukarelawan dalam kalangan komuniti perumahan berstrata.

5.2.9 DASAR AGROMAKANAN NEGARA 2021-2030




Visi Dasar Agromakanan Negara, 2021-2030 adalah peneraju utama perkhidmatan pemasaran agromakanan negara. Misi Dasar Agromakanan Negara, 2021-2030 adalah membangun dan memudahkan cara perkhidmatan pemasaran yang cekap dan berkesan bagi menggalakkan pertumbuhan, daya saing dan inovasi dalam industri agromakanan serta meningkatkan nilai kepada pelanggan.

OBJEKTIF:

- Memperluaskan akses pasaran domestik dan antarabangsa.
- Meningkatkan pembekalan produk agromakanan bernilai tinggi dan/atau permintaan tinggi.
- Membekalkan maklumat pasaran yang komprehensif dan bersepadu mengenai agromakanan.
- Menyedia dan menyelaras kemudahan infrastruktur pemasaran.
- Memacu dan memperkasakan pemasaran digital agromakanan negara di pasaran domestik dan antarabangsa.
- Menggalakkan kecekapan dan daya saing dalam rantai nilai agromakanan.
- Menarik minat, memupuk, meningkat dan mengekalkan penglibatan belia dalam aktiviti pemasaran agromakanan.
- Menggalakkan amalan pembekalan dan penggunaan agromakanan yang mampan.

5.2.10 DASAR PENGANGKUTAN NEGARA




Seiring dengan pencapaian pembangunan yang berterusan, adalah penting untuk Malaysia mempunyai dasar pengangkutan yang boleh menyokong matlamat untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2025. Dasar Pengangkutan Negara (DPN) 2019-2030 telah digubal melalui kerjasama yang rapat di antara sektor kerajaan dan swasta.

OBJEKTIF:

- Mencipta ekosistem yang kondusif bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing industri pengangkutan.
- Membantu melancarkan pergerakan barangan untuk meningkatkan aktiviti komersial dan memudahkan pengendalian perniagaan.
- Menyediakan mobiliti yang memenuhi permintaan rakyat dan bersifat inklusif.
- Meningkatkan perkongsian mod pengangkutan awam.
- Menyediakan sistem pengangkutan yang pintar dan selamat.
- Memastikan bahawa sektor pengangkutan menggunakan sumber secara mampan dan mengurangkan impak terhadap alam sekitar.) dan Agenda Pembangunan Mampan 2030 (SDG 2030).

5.2.11 DASAR PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA 2016



Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara 2016 mempunyai 2 matlamat iaitu mewujudkan sistem pengurusan sisa pepejal yang menyeluruh, bersepadu, kos efektif, mampan dan diterima masyarakat yang mementingkan pemeliharaan alam sekitar, pemilihan teknologi yang mampu bayar dan menjamin kesihatan awam. Selain itu, melaksanakan pengurusan sisa pepejal berdasarkan *waste management hierarchy* yang memberi keutamaan kepada pengurangan sisa melalui 'Reduce, Reuse & Recycle' (3R), rawatan perantaraan dan pelupusan akhir.

OBJEKTIF:

- Pengurusan sisa pepejal yang bersepadu dan kos efektif yang meliputi kutipan dan pengangkutan, rawatan perantaraan dan pelupusan.
- Pengurangan sisa pepejal domestik, komersial, industri, institusi, komuniti dan pembinaan melalui 3R.
- Perkhidmatan yang efisien dan kos yang efektif melalui penswastaaan, kawal selia yang cekap dan piawaian yang seragam.
- Pemilihan teknologi yang telah terbukti, mampu bayar serta mesra alam.
- Memastikan alam sekitar dan kesihatan awam terpelihara.
- Memperkukuhkan perundangan dan institusi pengurusan sisa pepejal.

5.3 AKTA BERKAITAN

Akta yang akan dirujuk bagi penguatkuasaan pembangunan landskap bagi Majlis Daerah Tapah adalah seperti berikut:

5.3.1 AKTA KERAJAAN TEMPATAN, 1979 (AKTA 171)

Bahagian VII – Tempat Awam

Seksyen 64: Kuasa untuk mengadakan tempat awam, dsb. yang baru & membesarkannya.

Seksyen 65: Kuasa sementara untuk menutup tempat awam.

5.3.2 AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN, 1974 (AKTA 133)

Bahagian II – Jalan

Seksyen 25: Mengadakan siar kaki, dsb.

Seksyen 38. Pokok tidak boleh ditanam dalam lingkungan dua belas kaki daripada jalan.

5.4 PELAN PEMBANGUNAN BERKAITAN



5.4.1 RANCANGAN STRUKTUR NEGERI (RSN) PERAK 2040

Rancangan Struktur Negeri (RSN) adalah merupakan suatu pernyataan bertulis yang menerangkan dasar dan cadangan-cadangan strategik negeri berkenaan dengan pemajuan dan penggunaan tanah dalam kawasan bandar dan desa, termasuklah langkah-langkah untuk:

- Memperelokkan lagi alam sekitar dari segi fizikal.
- Memperelokkan lagi perhubungan dan untuk menguruskan lalu lintas.
- Pembaikan tahap sosio-ekonomi, penggalakkan pertumbuhan ekonomi.
- Mempertingkatkan perancangan luar bandar dan rancangan desa.
- Memudahkan pembangunan secara mampan.



5.4.2 WILAYAH PERAK SELATAN

Projek Pemangkin Utama iaitu Bandar Pendidikan Tapah dan Hab Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) serta Taman Industri SME




5.4.3 RANCANGAN TEMPATAN DAERAH BATANG PADANG (RTDBP) 2035

Laporan Rancangan Tempatan Daerah Batang Padang (RTDBP) 2035 (Penggantian) ini merupakan sebuah dokumen perancangan yang menyatakan semua cadangan pembangunan guna tanah fizikal secara terperinci bagi seluruh Daerah Batang Padang.

Matlamat pembangunan Draf Rancangan Tempatan Daerah Batang Padang 2035 adalah untuk menjadikan Daerah Batang Padang sebagai:

“Daerah Pelancongan, Pendidikan dan Industri Sumber Jaya”.

5. 4. 4 RANCANGAN FIZIKAL NEGARA KEEMPAT (RFN4)




Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4) memberi penekanan khusus dalam menentukan corak perancangan fizikal negara melalui pembentukan strategi dan tindakan khusus meliputi corak pembangunan guna tanah, pertumbuhan ekonomi, pengkalan dan pengurusan sumber, penyepaduan dan penambahbaikan rangkaian pengangkutan dan infrastruktur negara dan penaiktarafan kualiti hidup dan kesejahteraan negara.

FUNGSI UTAMA RFN:

- Rangka kerja spatial.
- Memandu arah pembangunan seimbang dan holistik.
- Rangka kerja pembangunan ekonomi.
- Terjemahan komitmen negara di peringkat global.
- Instrumen penyelarasan perancangan pembangunan.

5. 4. 5 KAJIAN KEPERLUAN KAWASAN HIJAU DALAM PEMBANGUNAN



Kajian Keperluan Kawasan Hijau dalam Pembangunan merupakan antara inisiatif Jabatan Landskap Negara dalam pembangunan mampan di Malaysia. Matlamat utama kajian adalah untuk menyediakan Garis Panduan Perancangan dan Reka Bentuk serta Pengurusan dan Penyelenggaraan Landskap Kawasan Hijau berdasarkan kepada karakter geografi, kualiti visual serta karakter landskap setempat.

OBJEKTIF:

- Mengenal pasti elemen dan komponen kawasan hijau melalui pangkalan data primer dan sekunder.
- Mengumpul dan menganalisis maklumat kajian berkenaan keberkesanan penyediaan, pengurusan dan penyelenggaraan kawasan hijau melalui hasil lawatan tapak dan soal selidik terhadap dua kumpulan responden.
- Menganalisis status penyediaan tanah lapang berdasarkan hierarki yang ditetapkan dari aspek keberkesanan tampungan pengguna, keberkesanan pengurusan dan penyelenggaraan.
- Mengemukakan aspek perancangan, reka bentuk, pengurusan dan penyelenggaraan kawasan hijau.

5.4.6 PELAN INDUK RANGKAIAN EKOLOGI CENTRAL FOREST SPINE 2022



Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (PIRECFS) 2022 merupakan suatu inisiatif untuk menghubungkan, mengekalkan dan memelihara serta memulihara kawasan-kawasan hutan di Semenanjung Malaysia agar wujud satu rangkaian fizikal hutan yang bersambungan di seluruh kawasan CFS. Tempoh perancangan adalah dari 2022 hingga 2040. Berdasarkan peruntukan Tindakan KD2.1D, Rancangan Fizikal Negara Ke 4 (RFN 4) iaitu:

"Mewujudkan dan memperkukuhkan pelaksanaan koridor ekologi daratan dan marin"

STRATEGI PEMELIHARAAN CFS & RANGKAIAN EKOLOGI:

- Memperincikan strategi perancangan fizikal, pemeliharaan dan pemuliharaan biodiversiti.
- Pengurangan konflik manusia dan hidupan liar.
- Pembangunan ekonomi, urus tadbir dan undang-undang.
- Penyediaan panduan pemeliharaan kawasan CFS dan kaedah pelaksanaan dan pemantauan pelan induk.

5.5 GARIS PANDUAN


5.5.1 GARIS PANDUAN JABATAN LANDSKAP NEGARA (EDISI KEDUA)



Garis panduan ini disediakan bertujuan untuk menghasilkan pembangunan landskap yang seimbang, seragam dan berkualiti, melaksanakan keputusan kerajaan untuk mengindahkan negara dan mewujudkan kawasan hijau di kawasan perbandaran untuk keselesaan pengguna di samping menangani isu perubahan iklim dan alam sekitar. Antara garis panduan perancangan landskap yang terdapat dalam Garis Panduan Landskap Negara Edisi 2 (2008) ini merangkumi:

- Prinsip-prinsip penanaman landskap
- Kawasan taman rekreasi
- Kawasan perumahan
- Kawasan siar kaki / lorong berbasikal
- Kaedah penanaman
- Ciri-ciri fizikal tanaman
- Kawasan pinggir jalan dan Lebuhraya
- Kawasan kemudahan asas
- Kawasan laluan kereta api
- Penyelenggaraan
- Fungsi-fungsi tanaman
- Kawasan bangunan awam


5.5.2 GARIS PANDUAN LANDSKAP NEGARA TAMAN



Garis Panduan Landskap Negara Taman ini bertujuan membentangkan rujukan asas kepada para profesional khususnya yang berkecimpung dalam industri senibina landskap. Garis panduan ini dibentuk dengan penekanan utama penyediaan kawasan hijau berlandskap yang menepati fungsi-fungsi estetik dan kepelbagaian suasana bagi memperkayakan sesuatu reka bentuk. Faktor ini dinyatakan dengan teliti di dalam setiap bab; di mana penyusunan bab serta isi kandungannya adalah mengikut turutan berikut:

- Perancangan pembangunan landskap.
- Pemeliharaan dan pemuliharaan landskap.
- Reka bentuk seni bina landskap.
- Pengurusan projek landskap.
- Pengurusan dan penyelenggaraan landskap.


5.5.3 GARIS PANDUAN PERANCANGAN TANAH LAPANG DAN KAWASAN REKREASI



Definisi tanah lapang, mengikut Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, subseksyen 2(1), adalah ditafsirkan sebagai suatu kawasan atau tempat awam yang digunakan untuk tujuan rekreasi aktif atau pasif. Dasar-dasar sedia ada berkaitan perancangan dan penyediaan tanah lapang awam adalah seperti berikut:

- Skim-skim pembangunan tanah perlu memperuntukkan sekurang-kurangnya 10% daripada keluasan kawasan pembangunan sebagai tanah lapang awam.
- Semua tanah lapang yang di tetapkan di dalam pelan susun atur pembangunan yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) perlu diserahkan kepada PBN dan diwartakan.
- Rizab-rizab tanah lapang awam yang sedia ada perlu dikekalkan, dan tidak boleh di dibangunkan untuk tujuan kemudahan awam lain, atau untuk kegunaan pembangunan guna tanah lain.
- PBN perlu mengambil langkah-langkah bagi merizab dan mewartakan tanah lapang awam yang dicadangkan di dalam rancangan pemajuan.

5.5.4 GARIS PANDUAN PERANCANGAN KEJIRANAN HIJAU



Kejiranan hijau boleh ditakrifkan sebagai suatu kawasan kejiranan yang dirancang secara bersepadu. Ia memberikan keutamaan kepada perlindungan dan penggunaan sumber semula jadi, aplikasi teknologi hijau, amalan hijau dan kitar semula, yang bertujuan untuk memelihara alam sekitar, meningkatkan kesihatan awam, keselamatan dan kebajikan umum penduduk bandar.

Keperluan pembangunan kejiranan hijau adalah seperti berikut:

- Bagi mengurangkan pengeluaran gas rumah hijau (greenhouse gases) selaras dengan Dasar Teknologi Hijau, Dasar Perubahan Iklim dan Rancangan Fizikal Negara;
- Bagi membolehkan pembangunan dilabelkan sebagai pembangunan yang mesra alam.
- Bagi menjana permintaan yang lebih banyak terhadap konsep pembangunan mampan dalam pasaran hartanah;
- Bagi memudahkan cara perubahan gaya hidup dan juga reka bentuk pembangunan kejiranan daripada reka bentuk yang bercorak konvensional kepada reka bentuk yang inovatif; dan
- Mempunyai pelan keselamatan makanan dengan mewujudkan kawasan pertanian mini di sekitar kawasan perumahan.

5.5.5 PANDUAN PERLAKSANAAN PROGRAM BANDAR SELAMAT



CPTED berdasarkan kepada idea bahawa “reka bentuk persekitaran fizikal terperinci secara efektif boleh mempengaruhi perlakuan manusia dari melakukan kesalahan serta mengurangkan perasaan takut berlakunya jenayah dan insiden jenayah di samping meningkatkan kualiti persekitaran dan kehidupan”.

Perlaksanaan Program Bandar Selamat bagi Daerah Batang Padang akan merujuk kepada Panduan Pelaksanaan Rekabentuk Bandar Selamat dengan menumpukan kepada aspek-aspek yang berikut:

- Akses dan laluan pejalan kaki.
- Landskap lembut dan elemen reka bentuk bandar.
- Pencahayaan.
- Pengurusan dan penyelenggaraan.


5.5.6 GARIS PANDUAN JABATAN PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN SEJAGAT



Garis panduan perancangan ini disediakan bagi menyediakan garis panduan perancangan fizikal dengan menerapkan prinsip-prinsip Perancangan dan Pembangunan Sejagat serta membantu dalam proses perancangan dan Pembangunan bandar dan desa. Matlamat perancangan dan pembangunan sejagat:

"Mewujudkan Keseimbangan Di antara Pembangunan Fizikal Dengan Pembangunan Insan Dari Segi Spiritual Dan Nilai-Nilai Murni Sejagat Untuk Kemajuan Negara Yang Berterusan".

5.5.7 GARIS PANDUAN PERANCANGAN PEMULIHARAAN DAN PEMBANGUNAN KSAS HUTAN SIMPAN KEKAL



Di bawah Dasar Perhutanan Negara 1978 (pindaan 1992), hutan simpan kekal perlu diurus dan dikelaskan di bawah empat fungsi utama seperti berikut:

Hutan Perlindungan

- Berfungsi sebagai kawasan sumber air, mengurangkan kerosakan disebabkan banjir, hakisan sungai dan tanah-tanah pertanian.

Hutan Berhasil/ Pengeluaran

- Berfungsi sebagai bekalan yang berpanjangan bagi semua bentuk keluaran hutan yang dihasilkan secara ekonomik bagi memenuhi kehendak domestik dan pengeksporan.

Hutan Lipur

- Berfungsi sebagai kawasan rekreasi ekopelancongan, dan menggalakkan pengetahuan awam mengenai kepentingan kawasan hutan.

Hutan Penyelidikan / Pengeluaran

- Berfungsi sebagai kawasan kajian penyelidikan, pendidikan serta pemeliharaan kepelbagaian hayat.

Prinsip-prinsip umum pemeliharaan dan Pembangunan hutan simpan kekal adalah seperti berikut:

- Peruntukan kawasan hutan simpan kekal yang cukup.
- Pengurusan hutan simpan kekal dengan berkesan.
- Pelaksanaan program pembangunan hutan yang berperancangan.
- Memaksimumkan penghasilan hutan.
- Menyokong penyelidikan dalam bidang perhutanan.
- Perlindungan kepelbagaian biologi hutan.
- Mematuhi dasar dan aspek perundangan.

5.5.8 GARIS PANDUAN PERANCANGAN BANDAR RENDAH KARBON DAN BERDAYA TAHAN PERUBAHAN IKLIM




Garis Panduan Perancangan Bandar Rendah Karbon dan Berdaya Tahan Terhadap Perubahan Iklim disediakan untuk membantu Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi pelaksana berkaitan untuk memahami dan mengintegrasikan aspek perubahan iklim dalam perancangan spatial.

Dalam konteks spatial, perancangan bandar rendah karbon boleh dikategorikan kepada 4 bidang utama iaitu:

- Perancangan guna tanah
- Mobiliti hijau bandar
- Infrastruktur berdaya tahan bencana dan cekap tenaga
- Pengekalan fungsi kawasan hijau

5.5.9 MANUAL SALIRAN MESRA ALAM (MSMA)



Bahagian Saliran Mesra Alam tertumpu kepada pengurusan air larian hujan berkonsepkan mesra alam demi kelestarian alam sekitar dan peningkatan kualiti hidup dan ini disokong dengan misi bahagian untuk menjadi Pusat Kecemerlangan Pengurusan Air Larian Hujan. Bahagian ini berperanan untuk memperkenalkan, melaksana dan menggunakan konsep mesra alam dengan mengaplikasikan MSMA dalam sistem saliran bandar di Malaysia.

Objektif projek inovasi MSMA Edisi ke-2:

- Mengenal pasti dan melaksana penambahbaikan kepada MSMA sedia ada supaya lebih efektif dan mesra pengguna serta berupaya mengoptimumkan penggunaan manual.
- Meningkatkan keupayaan teras utama Jabatan dari segi sistem penyampaian perkhidmatan teknikal selaras dengan status Jabatan sebagai Organisasi Bertaraf Dunia untuk kelestarian alam sekitar.

5. 5. 9 GARIS PANDUAN PERANCANGAN & PIAWAIAN PERANCANGAN NEGERI PERAK

Garis Panduan Perancangan (GPP) Dan Piawaian Perancangan (PP) yang berkaitan termasuk:

1. GPP Gated Community & Guarded Neighbourhood, 2010.
2. GPP Kawasan Perdagangan, 2016.
3. GPP Kawasan Perdagangan (Perubahan & Addendum), 2017.
4. GP Taman Atas Bumbung, 2012.
5. GPP Kejiranan Hijau, 2012.
6. GPP Papan Iklan Luar, 2009.
7. GPP Pembangunan Semula Kawasan Brownfield, 2011.
8. GPP Reka Bentuk Sejagat, 2011.
9. GPP Chalet Atas Air, 2016.
10. GP Kawasan Kolam Takungan Sebagai Sebahagian Tanah Lapang, 1997.
11. PP Kemudahan Asas Dan Fizikal Berkaitan Program Rakan Muda, 1996.
12. GP Perancangan Perusahaan Ternakan Khinzir, 1997.
13. GP Perancangan Kemudahan Pembetulan, 1999.
14. PP Tempat Ibadat Islam, 1997.
15. PP Tapak Pencawang Elektrik, 1999.
16. GP Perancangan Perumahan Pekerja Kilang, 1997.
17. PP Kawasan Perindustrian, 1997.
18. GP Perancangan Tapak Incinerator, 1997.
23. GP Untuk Pengelasan Cerun Bukit Batu Kapur dan Zon Keselamatan.
24. GP Perancangan Tanah Perkuburan Islam Dan Bukan Islam, 1997.
25. GP Laporan Cadangan Pemajuan, 1999.
26. PP Tanah Lapang & Rekreasi, 1997.
27. GP Kebenaran Merancang Bagi Pembangunan Perumahan Sedia Wujud Tanpa Kebenaran, 2000.
28. GP & PP Taman Industri Teknologi Tinggi & Rumah Pekerja, 2000.
29. GPP Lorong Belakang, 2014.
30. GPP Pembangunan di Kawasan Bukit & Tanah Tinggi, 2009.
31. GPP Premis Burung Walit (Swiftlet) Neg. Perak, 2013.
32. GPP Kemudahan Masyarakat, 2013.
33. GP Taman Tema, 2012.
34. GPP Padang Golf, 2014.
35. GP Tempat Letak Kereta, 2016.
36. Manual SIA (Edisi Kedua), 2018.
37. GPP Fizikal Warga Emas, 2018.
38. Panduan Pelaksanaan Reka Bentuk Bandar Selamat Melalui CPTED, 2010.
39. Panduan Pelaksanaan Pengecualian Kebenaran Merancang (ExPA), 2010.
40. GPP Ladang Solar Negeri Perak, 2020.
41. Manual Penyediaan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA), 2021.
42. Manual Laporan Cadangan Pemajuan Edisi Kedua, 2021.
43. Addendum Kepada Manual Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) Edisi Kedua, 2021.



KESIMPULAN 06



6.0 KESIMPULAN

Batang Padang mempunyai keunikannya yang tersendiri dari segi kedudukan geografi, sejarah dan alam semula jadinya. Hasil penemuan awal di daerah Batang Padang ini menunjukkan ia kaya dengan sumber alam semula jadi yang disertakan bersama tempat-tempat menarik di kawasan bandar mahupun di luar bandar. Semua sumber sedia ada dalam daerah ini mempunyai potensi besar untuk diketengahkan dan dipertingkatkan melalui pembangunan landskap demi menjadikan Batang Padang sebagai sebuah daerah yang terkenal dengan daya tarikannya yang tersendiri.

Selaras dengan visi Majlis Daerah Tapah (MDT) iaitu “Daerah Lestari, Berdaya Maju Dan Berdaya Huni” untuk menjadikan kawasan-kawasan operasi dan pentadbirannya bersih, mempunyai pembangunan yang mampan dalam menjana ekonomi, progresif dalam menguruskan kesejahteraan dan kemakmuran khususnya kepada rakyat tempatan.

Pelan Induk Landskap MDT akan menjadi satu dokumen penting dalam memacu serta merealisasikan matlamat dan juga misi pembangunan landskap Daerah Batang Padang sebagai daerah pelancongan, Pendidikan serta industri yang berasaskan sumber jaya berteraskan lima karakter landskap iaitu pintu masuk, jalan, bandar dan petempatan, kawasan semula jadi dan kawasan rekreasi.

Hasil daripada kajian laporan awal ini akan dibawa seterusnya ke peringkat laporan teknikal yang lebih terperinci.

